

**PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM PENGEMBANGAN
(KAJIAN KES DI JABATAN PERTANIAN NEGERI KEDAH)**

Oleh

WIN ALFIANDI ALYONNER

MASTER OF SCIENCE (MANAGEMENT)

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

2013

**PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM PENGEMBANGAN
(KAJIAN KES DI JABATAN PERTANIAN NEGERI KEDAH)**

Oleh

WIN ALFIANDI ALYONNER

**Kertas Projek Sarjana ini diserahkan kepada:
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business, Universiti
Utara Malaysia sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Sarjana Sains (Pengurusan)**

KEBENARAN MENGGUNA

Kertas Projek penyelidikan ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan pengijazahan Program Sarjana Sains Pengurusan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah. Saya bersetuju membenarkan pihak Perpustakaan UUM untuk mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhannya atau sebahagian daripada kertas projek ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran penyelia projek penyelidikan ini atau Dekan, Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business. Sebarang bentuk salinan atau cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang tanpa kebenaran tertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penyelidik dan UUM perlulah dinyatakan jika sebarang bentuk rujukan ke atas kertas projek ini dibuat.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan kertas kerja penyelidikan ini sama ada keseluruhan atau sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui:

Dekan

Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business

Universiti Utara Malaysia

06010 Sintok

Kedah Darul Aman

ABSTRAK

Aktiviti Perkhidmatan Pengembangan Pertanian merupakan aktiviti utama Jabatan Pertanian. Perkhidmatan Pengembangan Pertanian merupakan satu kaedah bagi menyalurkan maklumat dan teknologi kepada petani dan usahawan. Justeru, kajian ini dijalankan bagi menilai amalan dan aktiviti Program Pengembangan Pertanian oleh Jabatan Pertanian Kedah. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif di mana temuduga bersemuka dan perbincangan ke atas beberapa orang pakar mengenai Program Pengembangan Pertanian. Selain itu, penelitian data sekunder juga dilakukan bagi mendapat maklumat yang tepat. Analisis SWOT digunakan bagi menilai pelaksanaan program pengembangan pertanian. Daripada hasil temuduga dan perbincangan tersebut sembilan faktor dalaman dan sembilan faktor luaran telah dikenalpasti. Analisis SWOT mendapati bahawa Program Perkhidmatan Pengembangan memiliki skor faktor strategik kekuatan dan peluang yang lebih tinggi berbanding skor faktor strategik kelemahan dan ancaman. Ini membuktikan bahawa aktiviti Program Pengembangan Pertanian mempunyai potensi yang tinggi bagi meningkatkan produktiviti pertanian di Kedah. Manakala, Matriks TOWS mencadangkan aktiviti Program Pengembangan Pertanian secara bersepadu mampu memperkukuh pelaksanaan aktiviti pengembangan pertanian di Kedah.

Kata Kunci : Pengembangan Pertanian, Analisis SWOT, Matrik TOWS

ABSTRACT

Agriculture Expansion Service Activities is the main activity of the Department of Agriculture. Expansion Service Activities is a method for distributing information and technology to farmers and entrepreneur. Therefore, this study was carrying out to evaluate the practices and activities of Agriculture Expansion Service by the Kedah Department of Agriculture. This was a qualitative study with face to face interview and discussion of some experts' persons related to the Agriculture Expansion Service Program. In addition, analysis of secondary data was also performed to get accurate information. SWOT analysis is used to evaluate the implementation of Agriculture Expansion Service Program. From the results of interviews and discussions nine internal and nine external factors were identified. SWOT analysis found that Agriculture Expansion Service Program had higher scores factor in strength and opportunities compared to scores factor in weaknesses and threat. This proves that the Agriculture Expansion Program have high potential to increase the agricultural productivity in Kedah. Meanwhile, the TOWS Matrix recommended an integrated Agriculture Expansion Program was able to strengthen the implementation of agriculture expansion activities in Kedah.

Keyword: Agriculture Extensions, SWOT Analysis, TOWS Matrix

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, Syukur ke hadirat Allah S. W. T. atas hidayat, petunjuk dan limpah kurniaNya telah mengizinkan kajian ini diselesaikan seperti dijadualkan. Setinggi penghargaan ditujukan kepada pihak Kerajaan Aceh (khususnya Pemerintah Daerah Aceh Tengah) dan Universiti Utara Malaysia yang memberikan peluang kepada saya untuk melanjutkan pelajaran saya dalam bidang pengurusan.

Semasa menyiapkan kajian ini, banyak masalah dan kerumitan yang dihadapi. Namun begitu, dengan berkat pertolongan dari Allah S. W. T. dan bantuan dari berbagai pihak sehingga masalah-masalah yang ada dapat diselesaikan dengan baik. Justru itu, pada kesempatan ini saya menyampaikan penghargaan yang tak terhingga kepada:

1. Dr. Mohd Faizal Bin Mohd Isa, sebagai penyelia penulisan laporan kajian kes ini.
2. Dr. Wan Shakizah Wan Mohd Noor dan Dr. Darwina Ahmad Arshad, sebagai penguji laporan kajian kes ini.
3. Prof. Dr. Rushami Zein Bin Yusoff, Dekan Kolej Perniagaan Universiti Utara Malaysia
4. Encik Ismail Bin Salleh. AMK. PJK.PKT, Pengarah Pertanian Negeri Kedah
5. Encik Sharif Ramli, Ketua Sekyen Latihan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia Jabatan Pertanian Negeri Kedah
6. Puan Sharifah Binti Ishak, Pegawai Pertanian Daerah Kubang Pasu
7. Encik Mahyuddin SP M.Sc, rakan praktikal pada Jabatan Pertanian Negeri Kedah.
8. Rakan-rakan sesama pelajar “ Aceh Student” pada Universiti Utara Malaysia.

Akhir kata, terima kasih kepada semua yang telah membantu saya dalam menyiapkan tugas ini yang tidak dapat saya nyatakan satu persatu di sini. Hanya Allah S.W.T. sahaja yang dapat membalas segala sokongan dan doa yang diberikan selama ini.

Win Alfiandi Alyonner

Taman Siswa, Jitra

Kedah Darul Aman

06000

Untuk...

Ayahanda:

Drs. Udin Ibrahim Alyomer

Ibunda:

Muraini MA

Ayah dan Ibu Mertua :

Irwansyah

Suryati

Istriku tercinta:

Megawati Putri, S. Pd

Beserta Seluruh Keluarga...

Terima kasih atas Doa dan semua pengorbanan yang telah diberi...

Semoga hidup kita sentiasa bahagia dan diberkati

Allah S. W. T....

Amin Ya Rabbal 'Alamin

KANDUNGAN

Isi Kandungan	Muka Surat
KEBENARAN MENGGUNA	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif Kajian	5
1.3 Kepentingan Kajian	5
BAB 2 LATAR BELAKANG ORGANISASI	6
2.1 Sejarah Organisasi	6
2.2 Halatuju Pembangunan Pertanian Negeri Kedah (2008-2015)	7
2.3 Dasar Pertanian Negara Ketiga	9
2.4 Visi dan Misi Jabatan Pertanian	9
2.4.1 Visi	10
2.4.2 Misi	10
2.5 Objektif dan Fungsi	11
2.6 Struktur Organisasi Jabatan	13
2.7 Rumusan	13

BAB 3 SOROTAN LITERATUR	15
3.1 Sejarah Perkhidmatan Pengembangan di Malaysia	15
3.2 Peranan Pengembangan Pertanian	18
3.3 Transformasi Sektor Pertanian	20
3.3.1 Perkhidmatan Pengembangan Pertanian	24
3.3.2 Proses Pengembangan Pertanian	25
3.4 Rumusan	27
BAB 4 KAEDAH KAJIAN	28
4.1 Rekabentuk Kajian	28
4.2 Pendekatan Kajian	28
4.3 Subjek Kajian	29
4.4 Sumber Data	29
4.4.1 Data Primer	29
4.4.2 Data Sekunder	30
4.5 Analisis Data	31
4.5.1 Analisis SWOT	31
4.5.2 Metod dan Model Analisis	32
4.6 Rumusan	36
BAB 5 DAPATAN KAJIAN	37
5.1 Pelaksanaan Program Pengembangan Pertanian di Negeri Kedah	37
5.1.1 Kaedah-kaedah Pelaksanaan Program Pengembangan.	39
5.1.2 Pemantauan dan Penilaian Program Pengembangan	43
5.1.3 Pencapaian Program Pengembangan Pertanian	46
5.2 Potensi dan Rintangan Pengembangan Pertanian	48
5.3 Rumusan	50

BAB 6 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	51
6.1 Perbincangan	51
6.2 Cadangan	54
6.3 Implikasi Kajian	59
6.3.1 Implikasi Kajian Terhadap Pengetahuan	59
6.3.2 Implikasi Kajian Terhadap Organisasi	61
6.4 Kesimpulan	62
RUJUKAN	63

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1. KDNK Kedah Tahun 2010	2
2. Sejarah Penyampaian Perkhidmatan Pengembangan	17
3. Matrik Analisis Dalaman (Rangkuti, 2004)	33
4. Matrik Analisis Luaran (Rangkuti, 2004)	34
5. Penilaian Wajaran Faktor Strategik	34
6. Matrik TOWS (Rangkuti, 2004)	36
7. Kategori Pelanggan Jabatan Pertanian	40
8. Kategori Pelanggan Berdasarkan Pendekatan Pengembangan	40
9. Matriks Analisis Dalaman	48
10. Matriks Analisis Luaran	49
11. Matriks TOWS	54

SENERAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1. Carta Organisasi Jabatan Pertanian	14
2. Transformasi Peranan Jabatan Pertanian	23
3. Proses Pelaksanaan Aktiviti Pengembangan	27

SENARAI SINGKATAN

1. AAO = Pembantu Pegawai Pertanian
2. AO = Pegawai Pertanian Daerah
3. ADUN = Ahli Dewan Undangan Negeri
4. CEO = Ketua Pegawai Pengembangan
5. FAMA = Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
6. FELCRA = Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
7. FELDA = Lembaga Pembangunan Tanah Persekutuan
8. GAP = Amalan Pertanian Baik
9. GLC = Syarikat Berkaitan Kerajaan
10. GMP = Amalan Pengilangan Baik
11. JKK = Jawatan Kuasa Kampung
12. MARDI = Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia
13. MADA = Lembaga Pembangunan Pertanian Muda
14. PPN = Pengarah Pertanian Negeri

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka Surat
1. Borang Penyelidikan	65
2. Pemberian Nilai Wajaran	67
3. Pemberian Kadar	68
4. Pemberian Nilai oleh Responden 1	70
5. Pemberian Nilai oleh Responden 2	72
6. Pemberian Nilai oleh Responden 3	74
7. Penilaian Faktor Strategik Dalaman	76
8. Penilaian Faktor Strategik Luaran	77
9. Jadual Kerja Mingguan Agen Pengembangan	78
10. Foto Kegiatan Penyelidik	80

BAB 1

PENDAHULUAN

Bab ini menghuraikan mengenai beberapa aspek-aspek berikut iaitu pengenalan kajian, objektif kajian, dan kepentingan kajian.

1.1 Pengenalan

Sektor pertanian merupakan sektor yang terpenting bagi negara-negara membangun seperti Malaysia. Malah ia merupakan antara ciri terpenting yang membezakan status antara negara membangun dan negara maju¹. Pembangunan yang dilaksanakan setiap negara membangun mempunyai perbezaan prinsip yang berlandaskan falsafah, hakikat, tujuan, strategik ataupun kebijaksanaan dan program pembangunannya. Namun demikian, pembangunan yang dilakukan negara-negara membangun secara umum merupakan suatu proses kegiatan yang terancang dalam usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi, perubahan sosial, dan perubahan ke arah pemodenan guna meningkatkan kualiti hidup manusia dan kesejahteraan masyarakat.

Pertanian di Malaysia kini menjadi satu bidang yang menjanjikan pendapatan yang lumayan jika diusahakan secara serius. Namun, seseorang pengusaha perlu tanamkan semangat yang jitu dalam diri jika ingin menjadikan pertanian satu perniagaan yang lumayan. Ini bukan mudah jika tidak tahu selok belok bidang pertanian yang sebenarnya.

Negeri Kedah sememangnya sinonim sebagai sebuah negeri berasaskan pertanian. Kedah dianggap Negeri “Jelapang Padi” Malaysia, mencakupi satu pertiga

¹<http://datatanah.peradabanmelayu.my/index.php/data-tanah-terbiar/34-data-tanah-terbiar-malaysia/64-perkembangan-semasa-sektor-pertanian>

daripada keseluruhan pengeluaran beras Malaysia. Walaupun mempunyai proses pembangunan pesat melalui kerancangan aktiviti pembuatan dan perkhidmatan, negeri Kedah masih lagi mempunyai kepentingan sektor pertanian yang tinggi dan menjadi penyumbang kepada perkembangan sosio ekonomi, Kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada harga malar 2000 Tahun 2010 yang dicatatkan bagi negeri Kedah ialah 4.4% (Jabatan Pertanian Negeri Kedah, 2010). Daripada nilai tersebut sebanyak 10.0% merupakan sumbangan aktiviti sektor pertanian seperti jadual berikut:

Jadual 1 KDNK Kedah Tahun 2010

Bil	Aktiviti Ekonomi (Pada Harga Malar 2000) Tahun 2010	Peratus Sumbangan Aktiviti (%)	Peratusan Sumbangan Nasional (%)
1	Pertanian	10.0	4.6
2	Perlombongan dan Pengkurian	0.1	0.1
3	Pembuatan	31.2	4.0
4	Pembinaan	2.7	3.1
5	Perkhidmatan	55.7	3.3
6	Duti Import	0.3	-
	JUMLAH	100.0	3.3 (Purata)

Catatan : Data Tahun 2010, Laporan Tahunan Jabatan Pertanian Negeri Kedah

Jabatan Pertanian telah memainkan peranan penting dalam pembangunan dan kemajuan sektor pertanian. Pada tahun penubuhannya semasa ekonomi bergantung kepada pengeluaran komoditi utama, Jabatan hanya terlibat secara langsung mendalam menyediakan khidmat nasihat pertanian. Semasa negara menjalani proses industrialisasi, jabatan terus memainkan peranan penting dalam menghapuskan kemiskinan di luar bandar dan meningkatkan pendapatan ladang dengan mempromosikan tanaman baru². Pencapaian masa kini Jabatan Pertanian ialah hasil dari usaha yang bersemangat dan bersungguh-sungguh bukan sahaja oleh kumpulan pengurusan Jabatan, malah oleh semua anggota organisasi dalam aktiviti

² Dato Hajjah Khamsiah BT HJ Muhammad, 2005 "Seratus Tahun Menerajui Kecemerlangan Pertanian"

meningkatkan kualiti dan produktiviti. Kesungguhan ini jelas dengan melihat kepada komitmen Jabatan melaksanakan arahan-arahan semasa kerajaan untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan di sektor perkhidmatan awam.

Perkhidmatan pengembangan ialah aktiviti utama Jabatan Pertanian. Perkhidmatan pengembangan merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh Jabatan Pertanian dengan menyalurkan maklumat dan teknologi kepada petani dan usahawan. Program ini telah meningkatkan taraf hidup dan pendekatan penduduk terutamanya yang tinggal diluar bandar. Arahan kerajaan supaya sistem penyampaian kerajaan dipertingkat dan dikemaskan menjadi perkhidmatan pengembangan semakin penting dan berperanan sebagai satu sistem yang unggul dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan Pertanian (Jabatan Pertanian Negeri Kedah, 2010)

Langkah untuk memperkukuh dan memperkemaskan perkhidmatan pengembangan telah dilaksanakan dengan menstruktur semula peranan dan fungsi perkhidmatan pengembangan dan mewujudkan bahagian pengembangan, perundingan, pelaburan dan Industri Asas Tani di ibu pejabat. Sementara itu, di peringkat daerah, pegawai pertanian daerah ialah bertanggung jawab dalam melaksanakan program pengembangan (Jabatan Pertanian Negeri Kedah, 2010).

Kerajaan Negeri Kedah melihat betapa pentingnya Jabatan Pertanian dalam melaksanakan Pelan Hala Tuju Pertanian Negeri Kedah ke arah menjadikan negeri ini sebagai 'Holland of The East'. Di samping itu, peranan Jabatan Pertanian sebagai barisan hadapan ialah seiring dengan peranan penghulu yang berfungsi sebagai agen perubahan kepada masyarakat tani.

Menurut Menteri Besar, YAB. Dato' Seri Ustaz Azizan Abdul Razak, pendekatan seumpama ini seharusnya diperluaskan skop latihannya kepada semua

kategori pegawai dan Jabatan Pertanian bagi tujuan mengekalkan tahap kecemerlangan perkhidmatan yang berkualiti mengikut skop kerja masing-masing.³

“Justeru itu, perancangan Jabatan Pertanian dalam memastikan program latihan ini harus dibuat dengan rapi sama ada dari aspek penganjuran, perbelanjaan dan sebagainya,” katanya. Beliau berkata demikian pada majlis Seminar Pemantapan Kerjaya dan Pembangunan Modal Insan Pembantu Pertanian, Jabatan Pertanian Negeri Kedah Darul Aman di Hotel Seri Malaysia. Menteri Besar memberitahu, seminar yang bertemakan integriti ini dilihat sebagai satu pendekatan terbaik dan seharusnya dijadikan kalendar tahunan dalam program latihan pegawai Jabatan Pertanian. “Pihak Kerajaan Negeri akan memberi sokongan padu dalam pelaksanaan seminar seumpama ini ke arah mewujudkan kumpulan pekerja yang berinovatif dan memiliki saksyah diri yang tinggi,” ujarinya. Integriti, katanya, amat penting dalam usaha mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di samping meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam serta mengatasi keranah birokrasi (Kedah, 2012)

Jabatan Pertanian sedang melaksanakan Sistem Pengembangan Tekno Pertanian (SPTP) yang menitikberatkan aspek pemindahan teknologi pertanian kepada golongan sasaran yang terdiri dari syarikat-syarikat swasta, kelompok-kelompok tani, usahawan tani dan orang-perseorangan melalui lawatan dan latihan berkala mengikut kawasan perkhidmatan Pembantu Pertanian di seluruh daerah di Negeri Kedah. Pembantu Pertanian dalam melaksanakan SPTP ini dilihat sebagai penggerak utama bagi memastikan program ini berjalan seperti dirancang untuk manfaat semua golongan sasaran ke arah peningkatan produktiviti ladang seterusnya hasil dan pendapatan masyarakat tani.

³ http://pertanian.kedah.gov.my/index.php?option=com_content&view=article

Sejajar dengan perkembangan tersebut, ialah menjadi tanggungjawab Jabatan Pertanian sebagai agensi pertanian negara, untuk membantu sektor pertanian negara sama ada memberikan perkhidmatan perundingan, sokongan teknikal dan khidmat nasihat yang profesional dalam pelbagai bidang pertanian khususnya tanaman makanan dan industri hiliran bagi menentukan pengeluaran makanan yang mencukupi untuk keperluan negara.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk meneroka peranan Jabatan Pertanian dalam khidmat pengembangan pertanian, sehingga menghasilkan amalan terbaik pada petani di Negeri Kedah.

Objektif spesifik ialah:

1. Menilai pelaksanaan program pengembangan oleh Jabatan Pertanian Negeri Kedah.
2. Menganalisa Potensi dan Rintangan program pengembangan pertanian

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat berguna sebagai

1. Sebagai maklumat dan bahan rujukan bagi Jabatan Pertanian untuk melaksanakan polisi dalam perkhidmatan kepada petani.
2. Kajian ini diharapkan dapat digunakan oleh penyelidik bagi memperdalam ilmu pengetahuan untuk diaplikasikan dalam bidang ke pengurusan.
3. Bahan perbandingan dan rujukan bagi penyelidik selaku kaki tangan di kerajaan Aceh.

BAB 2

LATAR BELAKANG ORGANISASI

Bab ini menghuraikan ini mengenai beberapa aspek-aspek berikut iaitu sejarah organisasi, visi dan misi organisasi, objektif dan fungsi organisasi serta carta organisasi.

2.1 Sejarah Organisasi

Jabatan Pertanian telah ditubuhkan dalam tahun 1905. Berperanan melaksanakan dasar pertanian yang digariskan oleh kerajaan. Di bawah panduan Jabatan Pertanian, beberapa enakmen telah diluluskan untuk mempercepatkan pembangunan dan memelihara hak-hak tanah.

Di awalnya, usaha Jabatan Pertanian tertumpu pada penyelidikan tanaman, penyediaan ahli teknikal kepada pengusaha-pengusaha ladang dan perkhidmatan pembangunan kepada pekebun-pekebun kecil. Jabatan Pertanian bertanggungjawab memajukan semua tanaman ekonomi yang berpotensi dan juga menjalankan aktiviti mengembangkan perusahaan getah. Menyedari adanya peningkatan permintaan dalam industri getah, kerajaan memutuskan supaya syarikat getah diberi perhatian khusus, sehingga Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) dan Lembaga Getah Malaysia (LGM) ditubuhkan pada tahun 1926.

Selepas negara merdeka, Jabatan Pertanian telah berkembang pesat dan juga diperkuatkan kedudukannya. Jabatan Pertanian terlibat sepenuhnya dalam penyelidikan, perkhidmatan pembangunan dan pemasaran serta pembangunan organisasi petani.

Dengan penubuhan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) pada tahun 1965, Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) pada tahun 1970 dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) pada tahun 1973, peranan Jabatan Pertanian disusun semula dan fokus dalam bidang perkhidmatan pengembangan pertanian.

Hari ini Jabatan Pertanian merupakan institusi yang memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan kepada pengusaha-pengusaha pertanian di dalam penggunaan teknologi tanaman dan industri hilir serta perkhidmatan peraturan pertanian untuk meningkatkan daya pengeluaran pertanian Negara.

2.2 Halatuju Pembangunan Pertanian Negeri Kedah (2008-2015)

Kepentingan peranan yang dimainkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Kedah ialah berasaskan kepada perancangan yang dibuat bersama dengan Kerajaan Negeri di bawah program “Halatuju Pembangunan Pertanian Negeri Kedah Darul Aman 2008-2015”. Di bawah program Halatuju Pembangunan Pertanian ini, usaha memajukan sektor pertanian di Negeri Kedah merupakan satu usaha yang berterusan bagi memastikan sektor ini terus berkembang maju dalam memastikan Negeri Kedah muncul sebagai negeri peneraju di dalam sektor pertanian.

Bagi memastikan usaha tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih terancang, beberapa kawasan yang dianggap sesuai telah dizonkan mengikut jenis tanaman, peternakan dan perikanan. Dengan corak pembangunan pertanian di negeri ini, ianya mampu dibangunkan seperti Negara Belanda yang merupakan antara pengeluar hasil pertanian utama Eropah.

Dasar dan Objektif Program Halatuju Pembangunan Pertanian Negeri Kedah ialah:

1. Memajukan tanah-tanah pertanian yang sesuai dengan potensi sebagai kawasan pembangunan pertanian yang kekal, produktif dan berdaya maju.
2. Mengekalkan kawasan Muda dan Skim Pengairan JPS yang berada di luar zon pembangunan sebagai sumber pengeluar padi.
3. Membangunkan Lembah Jerai sebagai Agro Hub (pangkalan hasil pertanian)
4. Memajukan tanah-tanah terbiar secara komersil bagi meningkatkan kawasan pertanian
5. Mendaftar semua petani dalam pangkalan data (database) peringkat negeri
6. Meningkatkan pengeluaran hasil pertanian bagi mengurangkan pengimportan. Pengeluaran tanaman makanan seperti buah-buahan dan sayur-sayuran untuk tujuan Sara diri dan eksport ditingkatkan.
7. Mewujudkan pusat sehenti atau “One Stop Center” di semua daerah bagi tujuan pengumpulan, pembungkusan dan pemasaran hasil tani.
8. Memberi tumpuan kepada tanaman padi di luar kawasan MADA serta tanaman jagung dan nanas masing-masing di kawasan utara dan selatan Negeri Kedah
9. Melaksanakan pertanian dalam bentuk skala besar dengan bantuan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) Negeri
10. Melaksanakan aktiviti-aktiviti pertanian dengan menggunakan teknologi terkini
11. Memastikan kegiatan pertanian sedia ada seperti Industri Asas Tani serta industri hiliran diteruskan dan dikembangkan.
12. Memastikan hasil yang dikeluarkan selamat dimakan dan berkualiti

13. Meningkatkan pendapatan dan taraf hidup petani kearah pembasmian kemiskinan
14. Mewujudkan Skim Perlindungan Takaful kepada golongan petani, peternak dan nelayan.

2.3 Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3)

Objektif utama DPN3 ialah untuk memaksimakan pendapatan melalui penggunaan sumber secara optimal dalam sektor ini. Ia meliputi usaha memaksimakan sumbangan sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), pendapatan eksport serta pendapatan petani, penternak dan nelayan. Secara spesifik, objektif DPN3 ialah untuk:

- a) Meningkatkan sekuriti makanan (food security)
- b) Meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor pertanian
- c) Mengukuhkan pertalian dengan sektor-sektor lain
- d) Mewujudkan sumber pertumbuhan yang baru untuk sektor pertanian
- e) Memulihara dan menggunakan sumber-sumber asli secara mampan

2.4 Visi dan Misi Jabatan Pertanian

Visi ialah cara pandang jauh kedepan dimana organisasi harus dibawa agar dapat wujud dan inovatif. Visi ialah suatu gambaran yang mencabar tentang keadaan masa depan. Misi merupakan pernyataan tujuan organisasi dan sasaran yang ingin dicapai pernyataan misi membawa organisasi kepada suatu fokus. Misi menjelaskan mengapa organisasi itu ada, apa yang dilakukannya, dan bagaimana melakukannya.

2.4.1 Visi

Visi adalah cara pandang jauh kedepan dimana organisasi harus dibawa agar dapat wujud, antipatip dan inovatif. Visi adalah suatu gambaran yang mencabar tentang keadaan masa depan Perubahan pertanian diarahkan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan meletakkan landasan yang kukuh bagi pembangunan ekonomi. Konsep dasar tersebut merupakan komitmen yang perlu disokong dan diterangkan lebih lanjut untuk operasionalisasinya. Dengan memperhatikan keutamaan Pembangunan Pertanian, Visi Jabatan Pertanian Negeri Kedah ialah "**Ke arah mewujudkan industri pertanian yang berdaya saing, produk berkualiti, selamat dan mesra alam serta berorientasi eksport.**"

2.4.2 Misi

Misi ialah sesuatu yang harus dilaksanakan oleh organisasi agar matlamat organisasi dapat terlaksana dan berhasil dengan baik. Dengan pernyataan misi tersebut, diharapkan semua pegawai dan pihak yang berkepentingan dapat mengenal organisasi dan mengetahui peranan dan program-programnya serta hasil yang akan diperolehi dimasa mendatang. Seiring hal tersebut, maka Jabatan Pertanian Negeri Kedah telah membuat kenyataan misi, yang merupakan cita-cita dan landasan kerja yang harus diikuti dan disokong oleh keseluruhan anggota organisasi dan secara jelas menyatakan apa yang perlu dicapai dan aktiviti spesifik apa yang harus dilaksanakan. Pernyataan misi tersebut ialah "**Memberi perkhidmatan berkualiti dan berkesan kepada pengusaha-pengusaha pertanian melalui penerapan teknologi dan perkhidmatan peraturan pertanian untuk meningkatkan daya pengeluaran serta memastikan keselamatan sektor pertanian negara.**"

2.5 Objektif Dan Fungsi

Diantara Objektif Jabatan ialah sebagai berikut:

1. Memberi perkhidmatan perundingan, sokongan teknikal dan perundingan yang profesional dalam pelbagai bidang pertanian khususnya tanaman makanan dan industri hilir untuk menentukan pengeluaran makanan yang mencukupi untuk keperluan negara.
2. Membimbing dan mewujudkan usahawan pertanian yang progresif untuk meningkatkan produktiviti pertanian dan pengeluaran pertanian negara.
3. Membangun tenaga yang terlatih dan mahir untuk keperluan industri pertanian.
4. Melindungi tanaman-tanaman (tanaman industri dan makanan) daripada ancaman perosak dan penyakit melalui program perlindungan tanaman dan perkhidmatan kuarantin.
5. Menentukan keluaran hasil-hasil tanaman makanan yang selamat dan mengawal pencemaran alam sekitar.
6. Mengawal bahan-bahan tanaman dan bahan janaplasma negara daripada dibawa keluar negara dan terancam punah.

Beberapa Fungsi Jabatan ialah sebagai berikut:

1. Menilai, mengubahsuai serta merumuskan pakej teknologi daripada badan /badan penyelidikan mengikut keadaan setempat dan seterusnya menyampaikannya kepada pengusaha-pengusaha pertanian.
2. Memberi perkhidmatan perundingan dan sokongan teknikal secara pakej kepada usahawan, swasta dan agensi pembangunan pertanian.
3. Mengembangkan sumber maklumat tanaman makanan dan tanah untuk kegunaan perancangan dan pelaksanaan pembangunan sektor pertanian.

4. Menjalankan latihan di Institut (Pusat Latihan Pertanian) bagi memenuhi keperluan tenaga mahir dalam sektor pertanian.
5. Menjaga mutu bahan / benih tanaman negara
6. Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang racun makhluk bertumpu 1974 untuk memastikan racun yang diimport, dikeluarkan dan dijual dalam negara ialah yang berkualiti dan penggunaannya tidak akan mendatangkan mudarat kepada pengguna, ternakan, tanaman makanan dan alam sekitar.
7. Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang kuarantin tumbuhan 1976 untuk mencegah entri perosak-perosak asing yang berbahaya dalam negara dan memudahkan eksport hasil-hasil tanaman negara untuk memenuhi peraturan kuarantin negara pengimport.
8. Melaksanakan penguatkuasaan Perintah Kastam (larangan mengenai eksport) 1988 dan peraturan konvensyen perdagangan antarabangsa bagi spesies-spesies haiwan dan tumbuhan liar yang terancam pupus (CITES) untuk memastikan bahawa bahan-bahan tanaman dan janaplasma tidak terancam.
9. Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang perlindungan varieti baru tumbuhan 2004 (Akta 634) untuk melindungi hak intelektual untuk kelainan-kelainan tempatan seperti baka-baka yang baik terutama kelapa sawit, getah, koko, kelapa dan bunga-bunga.
10. Mengadakan hubungan dan kerjasama dengan organisasi-organisasi di sektor awam dan swasta dalam/luar negeri yang terlibat dalam pembangunan, pelaksanaan dan perdagangan antarabangsa.

2.6 Struktur Organisasi Jabatan


Jabatan pertanian terdiri dari daripada dua komponen iaitu Negeri dan Persekutuan. Kedua-kedua komponen ini diketuai oleh seorang Pengarah Pertanian Negeri dan dibantu oleh dua orang timbalan Pengarah Pertanian yang mengetuai 2 bahagian iaitu Bahagian Pengembangan dan Bahagian Operasi serta 11 Pejabat Pertanian Daerah iaitu Langkawi, Kubang Pasu, Padang Terap, Pokok Sena, Pendang, Yan, Sik, Kuala Muda, Baling, Kulim dan Bandar Baharu.

Komponen Persekutuan terbahagi kepada 7 Bahagian iaitu Pusat Latihan dan Pembangunan Pengembangan (PLPP) Wilayah Utara, Bahagian Pengurusan dan Pemuliharaan Sumber Tanah, Bahagian Hortikultur, Bahagian Padi, Tanaman Industri dan Florikultur, Bahagian Kujuteraan Petani, Bahagian Perlindungan Tanaman dan Kuarantin Tumbuhan dan Bahagian Kawalan Racun Perosak.

2.7 Rumusan

Jabatan Pertanian berperanan sebagai peneraju pengeluaran makanan negara melalui projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) seluruh Malaysia. Fokus utama Jabatan Pertanian ialah perkhidmatan pengembangan, hal ini dikeranakan pertanian ialah perniagaan, ini merupakan satu usaha Jabatan Pertanian untuk menarik minat pelanggan bergiat di dalam bidang pertanian secara berskala kecil mahupun berskala besar.

Rajah 1. Carta Organisasi Jabatan Pertanian



Sumber : Laporan Tahunan Jabatan Pertanian Negeri Kedah 2010

BAB 3

SOROTAN LITERATUR

Bab ini huraian tentang teori-teori yang digunakan untuk menjelaskan masalah kajian sekaligus juga menjadi landasan teori dalam kajian, agar dapat diketahui bagaimana hubungan dan di mana kedudukan pengetahuan yang telah ada, perlu adanya ulasan terhadap bahan-bahan pustaka yang relevan dengan topik masalah yang diangkat bagi membolehkan pembaca meningkatkan cakrawalanya dari segi tujuan dan hasil kajian.

3.1 Sejarah Perkhidmatan Pengembangan di Malaysia

Sejarah pembangunan pertanian di Negara Malaysia telah bermula seawal abad ke-18. Aktiviti pertanian ketika itu tertumpu kepada pindah dan sara diri. Tanaman utama yang diusahakan padi, kayu, kelapa, buah-buahan dan pelbagai tanaman makanan yang ditanam khusus untuk keinginan seisi rumah sahaja. Usaha bersepadu untuk mempertingkatkan sektor pertanian telah bermula sejak abad ke -18 lagi, apabila tanaman jangka pendek untuk tujuan eksport menjadi kian penting seiring tanaman terpilih serta rempah ratus.

Pada awal tahun 1920-an menerusi industri getah yang mengangkat nama Malaysia sebagai pengeluar getah asli utama dunia sehingga tahun 1980-an. Ekonomi negara selepas merdeka dimonopoli oleh aktiviti-aktiviti pertanian dan perlombongan sehinggakan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada ketika itu menunjukkan sumbangan sektor pertanian dan perlombongan mencecah angka 46 peratus.

Inisiatif penubuhan institusi-institusi pembangunan kawasan, penyatuan dan pemuliharaan tanah seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan agensi-agensi pembangunan wilayah pula telah mempergiatkan lagi pembukaan tanah baru untuk tanaman industri di samping mendokong matlamat membasmi kemiskinan yang termaktub di dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Sementara itu, penubuhan agensi-agensi khusus seperti FAMA (1965), Bank Malaysia (BPM) (1969), MARDI (1969), Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) (1971), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) (1971), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) (1970), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) (1972), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) (1973) dan beberapa agensi yang lain telah membantu dari segi kemudahan pemasaran, penyelidikan, kredit, dan khidmat sokongan kepada kumpulan sasaran dan mempergiatkan lagi pembangunan sektor pertanian pada ketika itu.

Semasa era Dasar Ekonomi Baru (DEB) Kementerian Pertanian telah distruktur semula dengan berpuluh-puluh Jabatan ditubuhkan untuk memajukan pertanian, seperti MARDI, RISDA, Universiti Pertanian, FELDA, FELCRA, FAMA, Majuternak, Majuikan, Jabatan Kemajuan Pertanian Negeri dan lain-lain. Namun begitu beberapa jabatan tersebut ditutup dan hanya tinggal beberapa jabatan seperti MARDI, RISDA, FELCRA yang tidak begitu diketahui tentang fungsi dan peranannya. Jelas sekali peranan Jabatan-Jabatan ini bertindis-tindis antara satu dengan yang lain. Contohnya Jabatan Pertanian dan MARDI⁴.

Tiga dasar telah digubal dalam usaha memastikan sektor pertanian dapat bertindak sebagai 'enjin ketiga' pertumbuhan ekonomi negara di samping sektor

⁴ Ismail Saidin (2009) Undang-Undang Biji Benih Langkah Pertama Dalam Memajukan Pertanian dilihat dari <http://isaidin.blogspot.com/2009/06/undang-undang-biji-langkah-pertaman.html>

perkhidmatan dan pembuatan. Dasar-dasar tersebut ialah merangkumi Dasar Pertanian Negara Pertama (1984-1991) yang memberi penekanan untuk membangunkan sektor pertanian yang berorientasikan eksport. Dasar Pertanian Negara Kedua (1992-1997) yang memberi penekanan kepada peningkatan produktiviti, kecekapan dan persaingan dan Dasar Pertanian Negara Ketiga (1998-2010) untuk meningkatkan daya saing sektor pertanian berikutan liberalisasi perdagangan antarabangsa.

Pengembangan ialah satu proses komunikasi dua hala yang menghubungkan pusat pengetahuan dengan penerima perantara (pekerja pengembangan) dan penerima akhir (masyarakat). Matlamat pengembangan ialah untuk membawa perubahan kepada pekerja pengembangan dan akhirnya kepada masyarakat melalui proses pendidikan tidak formal supaya masyarakat dapat mempertingkatkan taraf hidup ke arah yang lebih sejahtera dan sempurna.

Jadual 2. Sejarah Penyampaian Teknologi dalam perkhidmatan Pengembangan Pertanian

1905-1959	1960-1994	1995-kini
1940 Pendekatan propanganda Pendidikan (sekolah, pertunjukan serta lawatan, dan siaran radio)	1977 Pendekatan melalui sistem 2L (latihan dan Lawatan) melalui kumpulan tani	1990-2006 Tumpuan kepada projek-projek utama jabatan (taman kekal pengeluaran makanan),pembangunan tanah terbiar, ladang satelit, padi 10 tan, program pembangunan usahawan, belia tani, program pembangunan industri asas tani, dan projek ladang berkelompok
1950-an Lawatan pengembangan kepada individu keluarga tani dan penubuhan pusat-pusat pertanian negeri	1984 Pendekatan pengembangan berterbas projek secara berkumpulan (berkelompok)	2006 Sebanyak 4.145 projek berkelompok ditubuhkan melibatkan 191.844 ha dan 125.884 peserta. Sebanyak 996 kumpulan pengembangan wanita (KPW) ditubuhkan

		melibatkan 2.336 projek dan seramai 24.414 peserta
1959 Pendekatan secara berkumpul melalui persatuan-persatuan peladang	1980-an Kumpulan Pengembangan Wanita (KPW) dilaksanakan bagi industri hiliran	2008 Sistem Pengembangan Tekno Pertanian (SPTP) diperkenalkan bagi memperkasakan petani melalui penyampain maklumat dan teknologi yang sesuai secara berstruktur berpandukan kalender tanaman bagi menerapkan amalan pertanian yang baik untuk meningkatkan pendapatan petani

Sumber: Portal Rasmi Jabatan Pertanian Malaysia

3.2 Peranan Pengembangan Pertanian

Menurut Van den Ban dan Hawkins (1999) peranan utama pengembangan pada masa lalu dipandang sebagai pemindahan teknologi dari penyelidik ke petani. Sekarang peranan pengembangan lebih dipandang sebagai proses membantu petani untuk mengambil keputusan sendiri dengan cara menambah pilihan bagi mereka, dan dengan cara menolong mereka mengembangkan wawasan mengenai kesan dari pilihan masing-masing.

Secara terperinci, Samsudin (1994) membahagikan peranan pengembangan pertanian menjadi: (1) menyebarkan ilmu dan teknologi pertanian, (2) membantu petani dalam pelbagai kegiatan usahatani, (3) membantu dalam rangka usaha meningkatkan pendapatan petani, (4) membantu petani untuk menambah kesejahteraan keluarganya, (5) mengusahakan suatu perangsang agar petani lebih aktif, (6) menjaga dan mengusahakan iklim sosial yang harmoni, agar petani dapat dengan aman menjalankan kegiatan usahatannya, (7) mengumpulkan masalah-

masalah dalam masyarakat tani untuk bahan penyusunan program pengembangan pertanian.

Kejayaan penyebaran suatu teknologi sebaiknya tidak terlepas dari peranan agen pengembangan yang menjalankan fungsinya sebagai agen pembaharu. Menurut Rogers dan Schoemaker (1986) peranan yang dijalankan oleh agen pembaharu dalam menyebarkan inovasi antara lain: membangkitkan keperluan untuk berubah, mengadakan hubungan untuk perubahan, mengenalpasti masalah sasaran, memotivasi dan merancang tindakan perubahan.

Perkhidmatan pengembangan dan khidmat nasihat dalam bidang pertanian amat diperlukan bagi membantu para peladang menjayakan projek-projek pertanian ke arah mencapai taraf komersil. Perkhidmatan ini dilaksanakan oleh Pejabat Pertanian dan boleh ditakrifkan sebagai usaha-usaha memindahkan teknologi terkini yang bersesuaian dalam bidang pertanian kepada pelanggan.

Tujuan aktiviti pengembangan ialah sebagai mendidik masyarakat di dalam penggunaan teknologi dan hasil penyelidikan sesuai untuk tingkat daya pengeluaran, membentuk dan membimbing petani untuk tingkatkan daya kepimpinan dan pengurusan sumber, dan membantu hasrat kerajaan untuk tingkat tahap kecukupan dalam pengeluaran bahan tanaman makanan utama negeri (Jabatan Pertanian Negeri Kedah, 2010)

Asas pengembangan ialah menolong petani atau pelanggan untuk menolong diri mereka sendiri melalui proses pendidikan. Pengembangan didefinisikan sebagai satu proses pendidikan tidak formal yang dijalankan secara bersistem untuk memberi khidmat dan menggalakan penerimaan sesuatu teknik, teknologi dan maklumat-

maklumat baru oleh suatu kumpulan atau individu tertentu selaras dengan keperluan dan kemampuan mereka bagi mencapai sosio-ekonominya.

Terdapat 2 konsep asas pendidikan pengembangan iaitu:

- a) Pendidikan, ditakrifkan sebagai “ke arah menghasilkan perubahan serta kepuasan didalam perlakuan manusia”. Ia mesti menghasilkan perubahan dalam diri individu
- b) Pembangunan, untuk mendorong seseorang individu itu berubah melaksanakan sesuatu yang dirancang dengan penuh tenaga, fikiran dan fizikal untuk berjaya.

3.3 Transformasi Sektor Pertanian Kepada Sektor Yang Moden, Dinamik Dan Komersil -Peranan Jabatan Pertanian

Jabatan pertanian memainkan peranan/fungsi di dalam program pengembangan pertanian dan membantu kerajaan di dalam usaha mengurangkan bilangan masyarakat miskin dan miskin tegar terutama dalam masyarakat tani.

Peranan yang dimainkan oleh Jabatan Pertanian masa kini ialah seperti berikut:

- a) Mempercepatkan transformasi pertanian kepada sektor masa kini sektor yang moden, dinamik dan komersial.
- b) Membangunkan industri tanaman makanan dan bunga-bunga.
- c) Memberi khidmat perundingan dan sokongan teknikal.
- d) Melindungi industri pertanian negara.
- e) Menjamin keselamatan makanan dan alam sekitar.
- f) Bergiat dalam forum-forum, hubungan dua hala, dan kerjasama teknikal antarabangsa.

g) Mempertingkatkan pembangunan sumber manusia.

RMKe-10 digubal berdasarkan kepada Dasar Agro Makanan dengan objektif:

1. Menjamin bekalan makanan mencukupi untuk negara
2. Meningkatkan pendapatan kumpulan sasar

Bagi mencapai objektif Dasar Agro Makanan, beberapa strategik dirangka seperti berikut:

1. Meningkatkan pengeluaran dan produktiviti

Pengeluaran dan produktiviti akan dipertingkatkan melalui peningkatan produktiviti tanah secara optimum dengan menggunakan teknologi yang bersesuaian, mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan pengurusan pengeluaran hasil secara pengurusan berpusat. Kawasan pengeluaran yang telah dikenalpasti akan dizonkan sebagai Taman Kekal Pengeluaran Makanan disamping menggalakkan sistem integrasi tanaman dengan tanaman ladang seperti kelapa sawit dan getah.

2. Meningkatkan Amalan Pertanian Baik

Untuk meningkatkan kualiti hasil pertanian, Jabatan Pertanian akan terus melaksanakan beberapa Amalan Pertanian Baik seperti Skim Organik Malaysia dan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia. Antara kaedah yang digunakan ialah penggunaan mikroorganisma berfaedah, pengurusan perosak bersepadu dan kitar semula bahan-bahan buangan pertanian seperti jerami untuk dijadikan kompos.

3. Pengukuhan rantaian agro makanan

Sistem rantaian bekalan makanan akan diperkukuhkan dengan penglibatan Kerajaan, pihak swasta serta pengusaha melalui pembangunan kluster bagi menghubungkan pengeluaran dan permintaan pemasaran, meningkatkan aktiviti tambah nilai serta pengedaran dan pemasaran. Bagi melancarkan pelaksanaan sistem

rantai bekalan, sistem penjejakan agro makanan dari ladang ke pengguna (*traceability*) telah diwujudkan bagi memastikan aspek halal.

4. Meningkatkan produktiviti dan pengeluaran industri asas tani

Produktiviti dan pengeluaran Industri Asas Tani akan dipertingkatkan melalui pengamalan amalan pengilangan baik seperti GMP dan HACCP, akreditasi halal, meningkatkan mutu pembungkusan, pelabelan, promosi, pemasaran dan penjenamaan serta memenuhi citarasa pengguna. Industri asas tani juga akan dibangunkan secara kluster seperti program satu daerah satu industri.

5. Pembangunan sumber manusia

Untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran pegawai, belia, usahawan dan pengusaha, Jabatan Pertanian telah merangka untuk melaksanakan beberapa projek iaitu pembangunan modal insan (memberi latihan, kursus dan seminar kepada pegawai), latihan sijil pertanian, pusat pengembangan teknologi pertanian dan bimbingan usahawan.

Secara umumnya Jabatan Pertanian akan terus melaksanakan program-program utama Jabatan dalam RMKe-10 (Tahun 2011-2012). Program-program tersebut ialah seperti berikut:

1. Program penggalakan penggunaan teknologi dan merangsang kreativiti dan inovasi sub-sektor Agro makanan
 - a. Projek pakej amalan teknologi tanaman buah-buahan
 - b. Projek pakej amalan teknologi sayur-sayuran dan tanaman kontan
 - c. Projek pakej amalan teknologi florikultur
2. Program peningkatan pengeluaran dan pemprosesan makanan
 - a. Projek taman kekal pembekalan makanan (TKPM)

- b. Projek pembangunan tanah terbiar (ACDA)
 - c. Projek pembangunan kawasan kelapa
 - d. Projek pengawalan perosak tanaman pertanian
3. Program perluasan komoditi dan produk
- a. Projek perolehan peralatan dan naiktaraf pusat rawatan kuarantin tanaman bagi memenuhi keperluan fitosanitasi
 - b. Projek pembinaan makmal diagnostik bersepadu wilayah timur di besut, Terengganu.

Fokus Jabatan Pertanian dalam melaksanakan projek-projek RMKe-10 ialah pembangunan projek bersifat *people centric* dan pemindahan teknologi melalui sistem pengembangan tekno pertanian (SPTP) seperti pakej amalan teknologi padi, buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman kontan, kelapa, florikultur, produk bernilai tinggi seperti herba, rempah ratus dan cendawan. Di samping itu, Jabatan juga memberi tumpuan kepada projek khidmat sokongan pengembangan dari segi pengurusan tanah, kejuruteraan pertanian, analisis dan pengurusan perosak serta diagnostik perosak tanaman dan projek sambungan seperti pembinaan Makmal Diagnostik Bersepadu. Transformasi peranan Jabatan ialah seperti ditunjukkan dalam rajah dibawah.

Rajah 2. Transformasi Peranan Jabatan Pertanian



Sumber : Portal Jabatan Pertanian Negeri Kedah (www.doa.gov.my)

3.3.1 Perkhidmatan Pengembangan Pertanian

Pengembangan ialah teras pengkhidmatan jabatan pertanian dan ia merupakan sistem penyampaian (*delivery system*) jabatan. Sistem pengembangan berstruktur dan berjadual yang memberi fokus kepada pemindahan dan pengamalan teknologi pertanian berdasarkan kepada keperluan kumpulan sasar, peringkat aktiviti dan keadaan setempat.

Sistem Pengembangan (2L) ialah satu kaedah dalam pengembangan yang bermaksud latihan dan lawatan. Mungkin generasi sekarang tidak kenal dengan sistem 2L kerana perubahan teknologi terkini dan kaedah berkomunikasi sekarang. Sistem pengembangan 2L dahulu kini telah pun di ubah sesuai kan dengan sistem pengembangan teknologi pertanian (SPTP) setelah menjalani peredaran masa. Sistem SPTP ini menumpukan pendekatan yang sama pada asasnya tetapi pendekatan yang diubah suaikan.

Sistem pengembangan dan tekno pertanian menekankan kepada latihan kepakaran agen pengembangan serta lawatan pengembangan petani secara berjadual mengikut kalender tanaman dan peringkat pelaksanaan projek. Ia melibatkan penyertaan semua pegawai Negeri dan bahagian teknikal Jabatan Pertanian dalam semua program ataupun aktiviti Jabatan.

Intipati pelaksanaan sistem ini ialah merangkumi peningkatan pengetahuan, kemahiran serta sikap positif petani dalam melaksanakan amalan pertanian baik

(*Good Agriculture Practice – GAP*) dan amalan pengilangan baik (*Good Manufacturing Practices – GMP*).⁵

3.3.2 Proses Pengembangan Pertanian

Istilah pengembangan pertama kali diterbitkan oleh James Stuart (1867-1868) dari Trinity College (Cambridge) pada saat memberikan ceramah kepada perkumpulan wanita dan pekerja lelaki di England Utara. Pada Tahun 1873 Secara rasmi sistem latihan dan nasihat diterapkan di Cambridge, kemudian diikuti Universiti London (1876) dan Universiti Oxford (1878) dan menjelang tahun 1880 gerakan pengembangan mula melebarkan sayapnya ke luar kampus (van den Ban & Hawkins, 1999). Konsep pengembangan pertanian di Malaysia pada dasarnya untuk membantu petani sendiri melalui proses pendidikan, penyebaran idea dalam bentuk teknologi kepada orang ramai khususnya serta promosi tindakan (projek program) yang membawa kepada perubahan yang menyeluruh kepada ladang, keluarga dan komuniti.

Proses utama dari khidmat pengembangan pertanian ialah komunikasi, baik komunikasi secara persuasif, interpersonal dan mass media. Proses penyampaian maklumat dari agen pengembangan kepada petani, dilakukan dengan menggunakan media dan yang lebih penting cara penyampaian maklumat difahami kedua-dua pihak. Komunikasi dikatakan berkesan apabila mesej yang disampaikan agen pengembangan dapat difahami pelanggan sehingga tujuan komunikasi tercapai dan memuaskan kedua-dua belah pihak.

⁵ Jabatan Pertanian, "Panduan dan Pelaksanaan : Sistem Pengembangan Tekno Pertanian (SPTP)." Ogos, 2008


Peranan dari agen pengembangan sebagai fasilitator, motivator dan sebagai penyokong gerak usaha petani merupakan sentral dalam memberikan nasihat kepada petani akan pentingnya berusaha tani dengan memperhatikan kemampuan dari sumber asli . Kesalahan dalam memberikan nasihat kepada petani akan menimbulkan kesan negatif dan merosakkan alam sekitar.

Peranan agen pengembangan dalam proses pemberian latihan dan nasihat ialah:

- Menimbulkan kesedaran terhadap perlunya perubahan di kalangan masyarakat (penerima/pelanggan).
- Membentuk perhubungan mesra di antara agen pengembangan dan penerima.
- Mengkaji dan mengenal pasti masalah daripada perspektif penerima.
- Mencari jalan penyelesaian masalah bersama penerima.
- Melaksanakan penyelesaian dengan mendapat persetujuan penerima dan dilaksana bersama penerima.
- Menstabil perubahan supaya bergerak terus menerus.
- Berenggang sedikit demi sedikit daripada penerima supaya penerima boleh berdikari dan terus maju

Prinsip pengembangan ialah mengajar individu untuk menolong petani/pelanggan melalui proses pendidikan dan bukan membuat kerja untuk mereka. Kejayaan sesuatu aktiviti pengembangan berikhtiar mencari jalan serta memahami keperluan pelanggan yang hendak dibantu, di samping mencadangkan alternatif yang bersesuaian.

Rajah 3. Proses Pelaksanaan Aktiviti Pengembangan Pada Jabatan Pertanian



3.4 Rumusan

Pengembangan ialah sistem pendidikan di luar sekolah (non formal), bagi petani dan keluarganya agar berubah perilakunya untuk bertani lebih baik (better farming), berusaha lebih menguntungkan (better bussines), hidup lebih sejahtera (better living), dan bermasyarakat lebih baik (better community) serta menjaga kelestarian lingkungannya (better environment). Layanan sistem pengembangan didasarkan pada pemikiran bahawa individu petani memiliki keterbatasan dalam mengakses teknologi dan dalam mengadopsinya untuk meningkatkan manajemen usahatannya serta memperbaiki kehidupan ekonominya (Subejo, 2008).

BAB 4

KAEDAH KAJIAN

Bab ini mengandungi huraian tentang: rekabentuk kajian, pendekatan kajian subjek kajian, sumber data serta metod analisis yang pengkaji gunakan dalam kajian ini.

4.1 Rekabentuk Kajian

Dasar kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian kes. Menurut Yin (1994), mentakrifkan kajian kes sebagai penyelidikan empirik yang menyelidiki fenomena kontemporari di dalam konteks kehidupan nyata, serta batas-batas antara fenomena dan konteks tidak jelas kelihatan. Kajian kes ialah reka bentuk kajian yang paling sesuai digunakan oleh seseorang penyelidik. Melalui kajian kes, maklumat yang amat teliti, kaya dan mendalam dikumpul untuk menjawab persoalan kajian. (Yin, 1994).

4.2 Pendekatan Kajian

Pendekatan kajian kes ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu yang mana membuktikan secara tidak terhad dalam menambah untuk memahami, memperluaskan pengalaman dan meningkatkan keyakinan tentang sesuatu subjek. Selain itu, kajian ini juga memfokuskan kepada penghuraian yang holistik atau menyeluruh dan memberikan penjelasan kepada sesuatu peristiwa yang berlaku secara mendalam.

4.3 Subjek Kajian

Kajian ini dilakukan di Jabatan Pertanian Negeri Kedah Darul Aman yang berlokasi di Jalan Kuala Kedah Telok Chengai, Kedah Darul Aman, Malaysia serta di Pejabat Pertanian Daerah Kubang Pasu. Kajian ini berdasarkan pertimbangan bahawa Pejabat Pertanian merupakan jabatan yang melaksanakan segala aktiviti pengembangan di bidang pertanian. Kegiatan pengumpulan dan pengolahan data dilaksanakan selama 14 minggu bermula dari 17 september 2012 hingga 20 Disember 2012.

4.4 Sumber Data

Data yang dikumpulkan untuk menjalankan kajian penyelidikan ini terdiri daripada dua jenis data iaitu, data primer dan data sekunder. Setiap jenis data yang dikumpulkan mempunyai kegunaan masing-masing.

4.4.1 Data Primer

Data primer ialah data yang diperolehi melalui temuduga bersemuka, borang soal selidik dan pemerhatian langsung terhadap subjek kajian.

a) Temuduga bersemuka

Kaedah ini dilakukan melalui temuduga bersemuka terhadap pegawai-pegawai pada Jabatan Pertanian yang mempunyai pemahaman terhadap proses pengembangan pertanian yang diamalkan serta memperolehi pandangan sebenar mengenai tajuk penulisan.

b) Borang soal selidik

1. Borang soal selidik untuk mengetahui faktor –faktor dalaman dan luaran untuk program pengembangan pertanian jabatan pertanian negeri kedah dibentuk berdasarkan objektif kajian.
2. Borang soal selidik penilaian faktor strategik dalaman dan luaran diberikan kepada tiga responden, iaitu pengarah Jabatan Pertanian yang bertanggung jawab penuh terhadap segala proses pengembangan dan pengambil keputusan tertinggi jabatan, Timbalan Pengarah Bahagian Pengembangan serta Pengarah Jabatan Pertanian Daerah Kubang Pasu. Pemilihan ketiga responden ini dilakukan secara sengaja (*purposive*), berdasarkan pertimbangan bahawa ketiga responden ini dianggap pakar (*expert*) dalam bidang pengembangan pertanian di Negeri Kedah.

c) Pemerhatian langsung

Dalam kaedah ini itu pengkaji ikut terlibat dalam beberapa aktiviti pengembangan yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Kedah.

4.4.2 Data Sekunder

Data sekunder merupakan data yang penyelidik perolehi melalui perpustakaan, dokumen-dokumen, koleksi rekod-rekod, seperti rekod organisasi yang menunjukkan carta organisasi, rekod program pengembangan pertanian dan buku-buku dibawah keluaran pihak kerajaan dan pejabat agar mudah bagi mendapatkan senarai rujukan yang dikehendaki.

4.5 Analisis Data

Data primer dan sekunder yang telah diperoleh kemudian dievaluasi dengan pendekatan analisa SWOT (*Strength, Weakness, Opportunity, Threat*). Tahapan analisis SWOT dimulai dengan menampilkan faktor-faktor dalaman dan luaran dalam bentuk matrik analisis dalaman dan matrik analisis luaran. Selanjutnya pada masing-masing dipisahkan menjadi faktor kekuatan atau kelemahan dan peluang atau ancaman sesuai dengan kriteria masing-masing.

Secara umumnya, analisis SWOT digunakan untuk membuat penilaian dan analisis setelah semua maklumat diperoleh. Manakala, secara khusus matrik analisis dalaman dan luaran digunakan. Teknik dan langkah pemberian nilai wajaran serta proses pelaksanaan ialah mengikuti Fred (2001). Pendekatan SWOT ialah suatu model analisis yang paling hampir kepada situasi sebenar kerana ia memberi peluang untuk penilaian secara serentak dalam membuat keputusan, menilai objektif, pelbagai faktor dan strategik (Siti Maimon, 2003). Model ini juga menurut Siti Maimon (2003), menumpukan kepada satu titik fokus tumpuan kerana ia menggabungkan dan memberi pertimbangan kepada faktor-faktor dalaman dan faktor-faktor luaran. Walau bagaimanapun satu kekangan model ini ialah ia dilihat sebagai satu pendekatan yang subjektif (Joyce & Woods, 1996).

4.5.1 Analisis SWOT

Analisis SWOT merupakan pengenalan pelbagai faktor secara sistematik untuk merumuskan strategik yang dipilih (Rangkuti, 2004). Tahap awal analisis SWOT ialah mengenalpasti faktor dalaman dan faktor luaran terhadap kegiatan pengembangan pertanian. Faktor dalaman terdiri daripada komponen kekuatan

(*strength*) dan kelemahan (*weakness*). Faktor luaran terdiri daripada komponen peluang (*opportunities*) dan ancaman (*threats*). Faktor-faktor tersebut kemudian digabungkan untuk menghasilkan strategik.

Faktor persekitaran dalaman iaitu:

- a) Kekuatan (*Strength*) ialah segala aspek yang dimiliki oleh Jabatan Pertanian di Negeri Kedah dalam pelaksanaan pengembangan pertanian yang mengakibatkan timbulnya keuntungan.
- b) Kelemahan (*Weakness*) ialah segala aspek yang disebabkan kekurangan dan keterbatasan oleh Jabatan Pertanian dalam pelaksanaan program pengembangan pertanian.

Faktor persekitaran luaran iaitu:

- a) Peluang (*Opportunity*) ialah pelbagai keadaan persekitaran yang menguntungkan dari aktiviti pengembangan pertanian.
- b) Ancaman (*Threat*) ialah pelbagai keadaan yang menimbulkan kerugian bagi aktiviti pengembangan pertanian.

4.5.2 Metod dan Model Analisis

Matrik Analisis Dalaman digunakan untuk menilai kekuatan dan kelemahan utama fungsi-fungsi dalaman sesebuah organisasi. Faktor-faktor kekuatan dan kelemahan didalam organisasi disenaraikan dalam matrik tersebut. Pemberat kepada faktor-faktor kejayaan kritikal diberikan penyelidik. Setiap nilai wajaran faktor diberi dari 0.0 (kurang penting) hingga kepada 1.0 (sangat penting). Nilai wajaran menunjukkan kepentingan relatif faktor tersebut dalam menentukan kejayaan sebuah organisasi dalam industrinya. Nilai wajaran yang tinggi tidak sama ada ia faktor

kekuatan atau kelemahan diberikan kepada faktor yang dianggap boleh memberi kesan terhadap prestasi organisasi. Jumlah nilai wajaran untuk semua faktor-faktor kritikal mestilah bersamaan dengan 1.0 (Fred, 2001). Nilai kadar keupayaan organisasi diberikan berdasarkan pemerhatian oleh penyelidik seperti berikut: 1= kelemahan utama, 2 = kelemahan kecil, 3 = kekuatan kecil, 4 = kekuatan utama. Nilai kadar ini menunjukkan sama ada organisasi tersebut mempunyai kekuatan atau kelemahan terhadap faktor-faktor kritikal. Kekuatan diberikan nilai 3 dan 4 manakala kelemahan diberikan nilai 1 dan 2. Selepas nilai kadar organisasi diberikan, ia didarapkan dengan nilai wajaran faktor kritikal untuk mendapat skor di setiap faktor.

Jadual 3 Matrik Analisis Dalaman

Faktor Kejayaan Utama	Nilai Wajaran	Kadar	Skor
1.Kekuatan			
2.Kelemahan			
TOTAL	1.00		

Sumber : Rangkuti 2004

Matrik Analisis Luaran pula dapat memberikan maklumat kepada pihak pengurusan untuk menilai faktor-faktor luaran seperti ekonomi, sosial, kebudayaan, demografi, persekitaran, politik, teknologi, dan lain-lain dalam membuat keputusan. Pemberat kepada faktor-faktor kritikal diberikan penyelidik. Setiap nilai wajaran faktor diberi dari 0.0 (kurang penting) hingga kepada 1.0 (sangat penting). Nilai wajaran menunjukkan kepentingan relatif faktor tersebut dalam menentukan kejayaan sesebuah organisasi dalam industrinya. Faktor peluang biasanya diberikan nilai pemberat yang tinggi tetapi ancaman boleh diberikan nilai yang tinggi juga sekiranya faktor ini boleh memberikan impak yang buruk kepada organisasi. Jumlah skor pemberat untuk kesemua faktor-faktor kritikal mestilah bersamaan dengan 1.0 (Fred 2001).

Jadual 4. Matrik Analisis Luaran

Faktor Kejayaan Utama	Nilai Wajaran	Kadar	Skor
1.Peluang			
2.Ancaman			
TOTAL	1.00		

Sumber : Rangkuti 2004

Penentuan nilai wajaran dilakukan dengan mengajukan identifikasi faktor strategik dalaman dan luaran tersebut kepada pakar yang telah ditentukan dengan menggunakan metod “paired comparison” (Kinneer dan Taylor, 1991). Metod tersebut digunakan untuk memberikan penilaian terhadap setiap faktor penentu dalaman dan luaran. Untuk menentukan pemberat setiap variabel digunakan skala 1,2,3. yang digunakan untuk pengisian kolom ialah :

1 = jika penunjuk melintang kurang penting daripada penunjuk menegak

2 = jika penunjuk melintang sama pentingnya dengan penunjuk menegak

3 = jika penunjuk melintang lebih penting daripada penunjuk menegak

Penunjuk melintang ialah faktor-faktor dalaman atau luaran pada lajur lintang. Sedangkan, penunjuk menegak ialah faktor-faktor dalaman atau luaran pada lajur tegak. Bentuk penilaian wajaran dapat dilihat pada Jadual 5.

Jadual 5 Penilaian Wajaran Faktor Internal/Eksternal Program Pengembangan

Faktor Strategik Internal / Eksternal	A	B	C	D	Total	Nilai Wajaran
A						x_i	
B							
C							
D							
....							
Total						$\sum_{i=1}^n x_i$	1,00

Sumber : Kinneer (1991)

Matrik perbandingan berpasangan memuat serangkaian faktor strategik dalaman dan luaran. Tiap-tiap faktor dibandingkan satu sama lain untuk mengetahui nilai wajaran suatu faktor relatif terhadap faktor yang lain, di mana nilai wajaran total dari faktor keseluruhan ialah satu. Wajaran setiap variabel diperoleh dengan membagi jumlah nilai setiap variabel dengan jumlah nilai keseluruhan variabel dengan menggunakan rumus :

$$a_i = \frac{x_i}{\sum_{t=i}^n x_t}$$

Keterangan :

a_i = Wajaran variabel ke-I

$i = 1, 2, 3, \dots$

x_i = Nilai variable

n = Jumlah variable

Penentuan nilai kadar oleh *stake holder* dilakukan terhadap variable-variabel. Dalam mengukur masing-masing variabel terhadap kondisi wilayah digunakan kadar 1, 2, 3, dan 4 terhadap masing-masing faktor strategik. nilai kadar untuk matrik dalaman ialah :

1 = kelemahan utama/major

3 = Kekuatan kecil/minor

2 = kelemahan kecil/minor

4 = Kekuatan besar/major

Untuk matrik luaran, nilai kadar yang digunakan ialah:

1 = Tidak berpengaruh

3 = Kuat pengaruhnya

2 = Kurang kuat pengaruhnya

4 = Sangat kuat pengaruhnya

- 1) Mendarapkan nilai wajaran dengan kadar untuk mendapatkan skor tersebut.
- 2) Skor yang diperoleh dijumlahkan untuk memperoleh total skor tersebut

Total skor berada antara satu sampai empat. Nilai satu sampai dua pada matrik luaran berarti jabatan tidak mampu memanfaatkan peluang untuk menghindari ancaman, sedangkan nilai dua sampai tiga ialah jabatan mampu merespon situasi

eksternal secara purata. Nilai tiga sampai empat ialah jabatan mampu memanfaatkan peluang dan dan menghindari ancaman dengan baik. Begitu pula untuk matrik dalaman yang bernilai satu sampai dua menggambarkan situasi dalaman jabatan yang lemah. Nilai dua sampai tiga menggambarkan situasi internal jabatan yang berada secara purata. Nilai tiga sampai empat menunjukkan bahawa situasi dalaman jabatan berada pada tingkat di atas purata. Selanjutnya, faktor – faktor yang telah dipisah tersebut di masukkan ke dalam matrik TOWS untuk kemudian dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan bantuan tabulasi silang agar dapat dirumuskan suatu pemecahan masalah yang sedang dihadapi. Tabulasi silang tersebut dapat dilihat pada matrik TOWS tabel berikut ini:

Jadual 6. Matrik TOWS

IFAS EFAS	Strengths (S) 1.... 2....	Weaknesses (W) 1.... 2....
Opportunities (O) 1.... 2....	Strategik S-O (strategik menggunakan kekuatan untuk memanfaatkan peluang)	Strategik W-O (strategik meminimalkan kelemahan untuk memanfaatkan peluang)
Threats (T) 1.... 2....	Strategik S-T (strategik menggunakan kekuatan untuk mengatasi ancaman)	Strategik W-T (strategik meminimalkan kelemahan dan menghindari ancaman)

Sumber : Rangkuti 2004

4.6 Rumusan

Alasan yang mendasari kaedah kualitatif yang digunakan dalam kajian ini ialah agar diperoleh gambaran yang menyeluruh dan mendalam mengenai pelaksanaan aktiviti pengembangan di Negeri Kedah.

BAB 5

DAPATAN KAJIAN

Bab ini menghuraikan ini mengenai dapatan kajian selama masa praktikal, dan penyelidik selaraskan dengan objektif daripada kajian ini sendiri.

5.1 Pelaksanaan Program Pengembangan Pertanian di Negeri Kedah

Jabatan Pertanian mempunyai sejarah lebih 100 tahun dalam menjalankan aktiviti pengembangan pertanian. Pada tahun 2005 genaplah Jabatan Pertanian sebagai agensi paling lama menjalankan pembangunan sektor pertanian di Malaysia. Jabatan pertanian ialah agensi yang bertanggungjawab dalam pemindahan teknologi dan pengurusan dalam memajukan pertanian dan industri asas tani kepada golongan sasaran melalui khidmat pengembangan.

Sistem Pengembangan yang digunakan pada masa ini ialah berasaskan projek dan mirip sistem 2L (Latihan dan Lawatan). Di bawah sistem ini perkhidmatan diberi secara “regimented”(tegas) dengan memberi penekanan semula kepada lawatan, latihan dan perjumpaan, pemindahan teknologi serta pemantauan aktiviti pengembangan. Semua aktiviti pengembangan dirancang mengikut kalendar tanaman yang diusahakan oleh pelanggan. Di bawah sistem ini isu mengenai liputan (coverage) pelanggan dan kandungan (content) aktiviti pengembangan di ambil kira bagi mengatasi masalah yang timbul di bawah sistem terdahulu.

Bagi mencapai matlamat liputan menyeluruh penggembelangan pegawai-pegawai telah dilakukan dengan merangkumi:

- a) Di peringkat projek, minimal Penolong Pegawai Pertanian akan bertanggungjawab dalam penyampaian teknologi dan pengurusan projek dan pengurusan projek-projek komersil dengan dibantu oleh Pembantu Pertanian Pengembangan.
- b) Di peringkat daerah, Pegawai Pertanian Daerah akan bertanggungjawab dalam pelaksanaan, penyelarasan dan pemantauan aktiviti pengembangan.
- c) Di peringkat Negeri peranan Ketua Pegawai Pengembangan (CEO) diaktifkan semula khususnya dari segi perancangan, penyelarasan dan pemantauan aktiviti pengembangan.
- d) Kepakaran pegawai-pegawai teknikal sebagai “Subject Matter Officer”(SMO) digembelinkan untuk memperkemaskan sistem dengan menjadi tenaga pengajar kepada pegawai pengembangan agar kepakaran mereka dapat dikemaskini dari masa ke semasa. Disamping itu mereka juga perlu menjalankan khidmat pengembangan ke projek mengikut keperluan negeri masing-masing.
- e) Di samping itu, Pembantu Pertanian yang menjaga tugas regulatori seperti penyiasatan tanah, menjalankan bancian, mengumpulkan data dan mengadakan perjumpaan dengan golongan sasaran di luar kelompok sekurang-kurangnya sebulan sekali samada dibalai raya, mesjid dan lain-lain tempat yang sesuai.

Aktiviti Pengembangan yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Kedah ialah:

- 1) Khidmat nasihat dan bimbingan kepada petani dan usahawan
- 2) Latihan pembangunan usahawan
- 3) Pemerhatian dan promosi teknologi

- 4) Memberikan khidmat perundingan pelaburan.
- 5) Meningkatkan kompetensi pegawai pengembangan.
- 6) Menyediakan kemudahan latihan dan media pengembangan
- 7) Menyediakan bahan media cetak dan elektronik pengembangan

Sejajar dengan itu, aktiviti-aktiviti yang dikenalpasti bersesuaian mengikut keperluan semasa akan dilaksanakan dengan tumpuan kepada aspek penambahbaikan perkhidmatan pengembangan dan kepuasan pelanggan selaras dasar pembangunan pertanian negeri Kedah.

5.1.1 Kaedah-Kaedah Pelaksanaan Program Pengembangan

Didalam usaha meningkatkan keberkesanan pelaksanaannya, Jabatan Pertanian telah mengambil tindakan berikut agar dapat membantu memperkukuh pelaksanaan program/aktiviti pengembangan.

1. Mengadakan Daftar Pelanggan

Langkah pertama di dalam menyediakan program pengembangan ialah mewujudkan daftar pelanggan di peringkat negeri, daerah, kawasan pengembangan dan kawasan perkhidmatan. Pelanggan jabatan merangkumi :

- a) Ahli Kelompok
- b) Ahli Kumpulan Pengembangan Wanita
- c) Petani individu di luar kelompok atau petani hobi
- d) Usahawan Tani/IAT
- e) Pihak swasta
- f) Institusi kerajaan/pertubuhan bukan kerajaan
- g) Sekolah/IPTA/PLKN

Daftar pelanggan perlu senantiasa dikemaskini. Pelanggan dikategorikan kepada 4 kategori mengikut nilai hasil pengeluaran tahunan iaitu:

Jadual 7. Kategori Pelanggan Pada Jabatan Pertanian

Kategori	Pengeluaran Asas (Tahunan)	Pemprosesan Dan Industri Asas Tani (Tahunan)
Perusahaan Besar	➤ RM 5 Juta	➤ 25 juta
Perusahaan Sederhana	RM 1 juta – 5 Juta	RM 10 juta – RM 25 Juta
Perusahaan Kecil	RM 200,000 – RM 1 juta	RM 250,000- 10 juta
Perusahaan Mikro I. Usahawan Tani II. Petani	RM 50,000 – RM 200.000 < RM 50,000	< RM 250,000

Catatan: Jabatan Pertanian Daerah Kubang Pasu

Setiap Kategori Pelanggan mempunyai ciri-ciri yang berbeza dan perlu pendekatan pengembangan serta kepakaran yang berlainan.

Jadual 8. Kategori Pelanggan Berdasarkan Pendekatan Pengembangan Yang Diperlukan

Kategori	Keperluan Perkhidmatan	Agen Pengembangan yang sesuai
Perusahaan Besar	Teknologi tinggi Insentif pelaburan	Pegawai Pertanian Kanan
Perusahaan Sederhana	Teknologi pertengahan Amalan Pertanian Baik Kemahiran pengurusan	Pegawai Pertanian
Perusahaan Kecil	Teknologi Sederhana Amalan Pertanian Baik Kemahiran pengurusan Penilaian keperluan	Pegawai Pertanian/ Penolong Pegawai Pertanian
Perusahaan Mikro III. Usahawan Tani IV. Petani	Teknologi yang bersesuaian Perancangan tanaman Amalan Pertanian Baik Kemahiran pengurusan Penilaian keperluan	Penolong Pegawai Pertanian /Pembantu Pertanian

Catatan: Jabatan Pertanian Kubang Pasu

2. Menyediakan Buku Perancangan Program Pengembangan

Buku perancangan program pengembangan yang mengandungi maklumat penting seperti berikut hendaklah disediakan dan dikemaskini setiap 6 bulan sekali.

- a) Maklumat asas kawasan perkhidmatan

- i. Peta kawasan – yang menunjukkan jalan raya, sungai dan kemudahan asas seperti surau, balai raya, mesjid, pusat pengumpulan, kawasan tanaman utama, kawasan cadangan, kawasan tanah terbiar, kawasan hutan, dan lain-lain.
 - ii. Demografi – Jumlah penduduk dan bilangan petani ialah mengikuti etnik
 - iii. Bilangan petani – Mengikut tanaman, mengikut taraf usaha (sepenuh/sambilan), umur, pendidikan dan lain-lain.
 - iv. Profil petani – Bilangan mengikut kategori, saiz perusahaan dan pendidikan
 - v. Amalan pertanian semasa – Tahap amalan teknologi bagi setiap tanaman
- b) Menyediakan kalendar perancangan tahunan bagi program/aktiviti pengembangan termasuk :
- i. Latihan Pegawai Pengembangan/Khidmat perundingan
 - ii. Lawatan Khidmat Nasihat
 - iii. Latihan/kursus/hands-on
 - iv. Lawatan sambil belajar
 - v. Hari bertemu pelanggan
 - vi. Mesyuarat/perbincangan

3. Mengadakan program latihan pegawai yang berjadual

Jabatan Pertanian Negeri Kedah juga melaksanakan latihan kepada pegawai pengembangan secara berjadual. Jadual latihan ialah berpandukan kepada keperluan dalam kalendar tanaman. Pegawai teknikal terlibat langsung dalam memberi latihan. Bagi negeri-negeri besar, sesi latihan ini boleh dipecah-pecahkan kepada beberapa

zon atau daerah. Sesi ini hendaklah sebagai latihan “*hands-on*”, perbincangan teknikal, penyelesaian masalah, “*team building*” dan motivasi. Ketua pegawai pengembangan mengurus dan mengaturkan pelaksanaan latihan ini.

Di antara aktiviti yang perlu dilaksanakan di pusat-pusat pertanian ialah petak promosi untuk memperkenalkan teknologi terbaru dan bersesuaian. Kuasausaha Pusat Pertanian tersebut mengatur dan menyelaras sesi latihan “*hands-on*” kepada pegawai pengembangan secara berjadual menggunakan kalender tanaman petak promosi tersebut. Perundingan dengan Ketua Pegawai Pengembangan ialah perlu untuk menyelaras keperluan jenis latihan dan pemantauan.

4. Meningkatkan perhubungan dengan pemimpin tempatan

Mewujudkan dan seterusnya meningkatkan hubungan baik dengan pemimpin tempatan dan JKKK perlu mengambil perhatian sewajarnya. Mereka lazimnya mampu memberikan maklumat tentang kelemahan dan apa pula juga kepincangan perjalanan program/aktiviti pengembangan yang dijalankan. JKKK ialah pemimpin rasmi di peringkat kampung yang diiktirafkan kerajaan dan ialah wajar pandangan mereka diambil perhatian bagi meningkatkan perkhidmatan yang diberikan. Antara langkah yang boleh diambil bagi mewujudkan dan meningkatkan hubungan ini ialah:

- Membuat kunjungan hormat secara kerap kepada pemimpin tempatan seperti ADUN, penghulu/Punggawa, Imam, Tok Batin, Tok siding, pengerusi JKKK dan lain-lain
- Berusaha untuk menghadiri mesyuarat peringkat mukim dan kampung sekerap mungkin
- Memaklumkan dan berbincang dengan ADUN, penghulu/Punggawa, Imam, Tok Batin, Tok siding, pengerusi JKKK dan lain-lain mengenai cadangan aktiviti/program sebelum dilaksanakan.

- Memaklumkan dan berbincang dengan pegawai-pegawai agensi pertanian yang lain.

5.1.2 Pemantauan dan Penilaian Program Pengembangan

Pelaksanaan dan pemantauan program ialah penting bagi menentukan aktiviti yang dijalankan ialah menepati perancangan yang telah dibuat dan akhirnya mencapai matlamat telah ditetapkan. Dalam pelaksanaannya penglibatkan petani secara aktif di dalam program-program projek mesti diutamakan. Oleh itu, Jabatan melibatkan petani pada peringkat perancangan. Kaedah *Critical Path Method* boleh digunakan dalam memastikan penglibatan aktif petani dalam semua perancangan dan pelaksanaan.

Setiap program perlu dipantau atau dinilai bagi mengukur keberkesanan pelaksanaannya. Ianya dilakukan secara berterusan dan berkala bagi tujuan mengambil tindakan pembetulan kearah mencapai sasaran yang ditentukan.

Aspek-aspek yang perlu dipantau dan dinilai ialah :

1. Pelaksanaan program pengembangan oleh agen pengembangan kepada petani

Perkara-perkara yang dipantau ada terdapat dalam buku program pengembangan. Oleh itu, setiap agen pengembangan mestilah menyediakan laporan yang lengkap dan menyeluruh mengikut ketentuan masa supaya keadaan sebenar dapat dipantau.

Laporan kegiatan pengembangan secara berjadual disediakan setiap suku tahun oleh pegawai pertanian daerah untuk dihantar kepada Ketua pegawai pengembangan. Ketua Pegawai Pengembangan akan menghantar laporan Negeri kepada bahagian PPP dan IAT. Laporan tersebut akan diperbincangkan dalam

mesyuarat bersama-sama Ketua Pegawai Pengembangan untuk dinilai tentang kemajuan, kekuatan dan kelemahan bagi tujuan menambahbaik dan menyediakan perancangan program/aktiviti pengembangan pada suku tahun dan tahun berikutnya.

Setiap agen pengembangan termasuk pegawai teknikal hendaklah memastikan buku log untuk merekod semua kegiatan pengembangan mereka diisi dengan tepat dengan semua maklumat yang diperlukan. Semua buku log hendaklah disemak oleh pegawai pertanian daerah setiap bulan. Pengarah Pertanian dan Ketua Pengembangan membuat semakan bagi setiap lawatan ke kawasan. Mereka akan mencatatkan komen-komen dan membuat pengesahan.

2. Maklum balas petani dan pelanggan tentang perkhidmatan

Setiap agen pengembangan perlu peka terhadap semua maklum balas sama ada melalui mesyuarat/persidangan, dialog, media cetak dan media elektronik supaya dapat mengambil tindakan bagi menyatakan keadaan sebenarnya.

3. Lawatan teknologi petani

Lawatan yang kerap dan menyeluruh oleh agen pengembangan ke kebun/ladang petani dapat memberi gambaran sebenar tahap pengamalan teknologi pertanian yang diusahakan oleh petani-petani. Sebarang kekurangan dari segi amalan petani berbanding dengan amalan pertanian baik (GAP) yang disyorkan boleh dijadikan sebagai *impact poin* bagi kerja-kerja pengembangan seterusnya.

4. Kesan ke atas pengeluaran dan perubahan sikap petani

Pemantauan dan penilaian pengeluaran petani perlu dijadikan sebagai asas dalam perancangan pengembangan. Analisis jurang pengeluaran oleh petani dengan potensi pengeluaran perlu diberi perhatian khusus dalam menentukan aktiviti-aktiviti pengembangan.

Pemantauan data pengeluaran tanaman ialah penting untuk membuat perancangan pengeluaran serta pemasaran untuk mengurangkan resiko lambakan atau kekurangan bekalan. Perubahan sikap petani juga diteliti dengan perubahan pengetahuan dan kemahiran, perubahan perlakuannya serta tahap pengamalan teknologi pertanian.

5. Impak kepada peningkatan pendapatan petani

Agen pengembangan juga perlu meneliti perubahan dari segi kos dan pengeluaran hasil pertanian supaya peningkatan pendapatan bersih dari amalan teknologi yang baru dapat dinilai. Dalam konteks ini, rekod ladang mestilah sentiasa direkod dan dikemaskini secara berterusan yang sepatutnya diamalkan oleh petani. Agen pengembangan perlulah sentiasa membantu petani membuat analisis rekod ladang supaya apa yang direkodkan boleh digunakan untuk menambah baik perancangan ladang pada masa hadapan.

Penyediaan petunjuk utama (*Key Performance Indicators*) ialah penting untuk membuat pengukuran terhadap keberkesanan program yang dilaksanakan. Di antara KPI bagi pengukuran impak perkhidmatan pengembangan ialah tahap pengamalan teknologi, peningkatan pengeluaran dan pendapatan pelanggan yang mendapat khidmat/bimbingan jabatan.

6. Lawatan penyeliaan

Lawatan penyeliaan secara berjadual ialah penting untuk memastikan pelaksanaan kegiatan pengembangan dilaksanakan secara betul, mengikut jadual dan program yang diatur berkesan dan memberi impak.

7. Mesyuarat pengembangan

Mesyuarat pengembangan ialah penting untuk memperbincangkan kemajuan pelaksanaan, teknologi-teknologi terkini, maklumat-maklumat yang disampaikan, isu dan masalah dan seterusnya membuat penyelesaian masalah dan menambahbaik kegiatan pengembangan. Mesyuarat dan kekerapan ialah seperti berikut

- Mesyuarat bulanan di daerah
- Mesyuarat 2 bulan sekali di peringkat Negeri
- Mesyuarat 3 bulan sekali di Bahagian PPP dan IAT

8. Penilaian program

Dalam mengukur keberkesanan program terdapat beberapa tahap yang boleh digunakan:

- Input : Bilangan kursus, bilangan latihan dan bilangan bimbingan
- Output: pengetahuan dan kemahiran petani
- Kesan : perubahan sikap amalan pertanian baik, peningkatan hasil, pendapatan, perubahan pengetahuan
- Impak : peningkatan hasil, pendapatan dan taraf hidup

5.1.3 Pencapaian Program Pengembangan Pertanian di Negeri Kedah

Jabatan Pertanian Kedah telah dianugerahkan persijilan MS ISO 9001:2008 berkuatkuasa mulai 13 Januari 2012 hingga 12 Januari 2015. Persijilan MS ISO 9001:2008 Perkhidmatan Pengembangan Pertanian digubal berlandaskan kepada pelaksanaan Sistem Pengembangan Tekno Pertanian (SPTP). Ialah menjadi matlamat jabatan pertanian untuk menyedia dan memberikan perkhidmatan pengembangan pertanian yang berkesan dan berkualiti dalam konteks pemindahan

teknologi pertanian berpandukan Amalan Pertanian Baik (APB) dan Amalan Pengilangan Baik (GMP).

Dasar kualiti ialah menjadi matlamat untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan pengembangan pertanian yang berkesan dan berkualiti dalam konteks pemindahan teknologi berpanduan amalan pertanian baik. ISO 9001 merupakan standard antarabangsa di bidang sistem pengurusan kualiti. Suatu lembaga / organisasi yang telah mendapat akreditasi (pengakuan dari pihak lain yang bebas) ISO tersebut, boleh dikatakan telah memenuhi syarat-syarat antarabangsa dalam hal pengurusan penjaminan mutu produk / perkhidmatan yang dihasilkannya.

Sistem pengurusan mengacu pada apa yang jabatan pertanian Negeri Kedah lakukan untuk mengelola proses, atau aktiviti, sehingga produk atau jasa memenuhi tujuan yang telah ditetapkannya sendiri, seperti: Memenuhi persyaratan kualiti pelanggan, bersesuaian dengan peraturan, atau tujuan lingkungan.

Berdasarkan temuduga pengkaji dengan Pengawai Pertanian Daerah Kubang Pasu, salah satu pencapaian terbaik dari pada aktiviti pengembangan yang dilaksanakan saat ini ialah dalam program sawah gemilang. Program sawah gemilang yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Kedah ialah langkah terbaik dalam usaha meningkatkan pengeluaran hasil tanaman padi yang diusahakan oleh petani-petani di negeri ini. Dengan usaha gigih di kalangan peserta projek berkelompok berkenaan serta pelaksanaan Sistem Pengembangan Teknologi Pertanian (SPTP) oleh Jabatan Pertanian, projek ini mampu mencapai pengeluaran hasil antara tiga hingga enam tan sehektar.

5.2 Potensi dan Rintangan Pengembangan Pertanian

Potensi dan Rintangan Pengembangan Pertanian ditunjukkan daripada analisis SWOT didalam Jadual 9 bagi matrik analisis dalaman dan Jadual 10 bagi matrik analisis luaran.

Jadual 9 Matrik Analisis Dalaman

Kekuatan	Nilai Wajaran	Kadar	Skor
Polisi Kerajaan Negeri dalam menyokong aktiviti pengembangan pertanian	0.12	4.0	0.47
Pengagihan dana untuk kegiatan pengembangan	0.11	4.0	0.45
Kemudahan pengurusan dan ketersediaan infrastruktur dalam aktiviti pengembangan	0.11	3.3	0.38
Jabatan pertanian telah beroperasi melebihi 100 tahun	0.12	2.0	0.23
Struktur pentabiran yang menyokong program pengembangan	0.09	3.3	0.31
Kualiti tenaga pengembangan yang berpengalaman	0.12	2.7	0.32
	0.67		2.17
Kelemahan			
Kurang ketersediaan (kuantiti) tenaga pengembangan pertanian	0.11	2.3	0.23
Komunikasi antara bahagian didalam Jabatan	0.11	2.3	0.23
Sikap dan kemampuan petani terhadap inovasi dalam usaha tani	0.10	2.3	0.23
	0.33		0.76
Jumlah	1.00		2.93

Sumber: Data diolah

Jadual 9 secara keseluruhan menunjukkan kekuatan dalaman Jabatan Pertanian dalam aktiviti pengembangan sangat kuat kerana jumlah pemberat menunjukkan skor 2.93. Sebuah organisasi mempunyai kekuatan dalaman yang tinggi jika skor pemberat melebihi 2.5 (Fred 2001). Kekuatan utama Jabatan Pertanian dalam aktiviti pengembangan ialah organisasi memiliki sokongan yang kuat dari kerajaan serta dalam menjalankan aktiviti tersebut Jabatan Pertanian tidak

pernah mengalami kesulitan dalam sumber kewangan. Manakala kelemahan utama Jabatan Pertanian Negeri kedah ialah masih kurangnya ketersediaan tenaga pengembangan pertanian yang ada.

Jadual 10 Matrik Analisis Luaran

Peluang	Nilai Wajaran	Kadar	Skor
Kerjasama antara kerajaan federal dan Negeri dalam mengembangkan pertanian sebagai asas perekonomian	0.12	3.7	0.45
Upaya kerajaan untuk meningkatkan masyarakat tani	0.11	4.0	0.43
Petani dan agen pengembangan menjalin perhubungan mesra untuk melaksanakan aktiviti pengembangan dengan sistem latihan dan lawatan	0.10	3.3	0.35
Adanya keinginan masyarakat tempatan untuk mengembangkan pertanian	0.11	3.3	0.36
Kerjasama daripada institusi pertanian lain	0.10	3.3	0.34
Eksport komoditi pertanian	0.12	1.3	0.16
	0.67		2.09
Ancaman			
Pengaruh iklim dan alih fungsi lahan pertanian	0.12	1.7	0.19
Kualiti sumber asli yang terus menurun	0.12	2.0	0.23
Tingkat pendidikan petani dan minat generasi muda di bidang pertanian	0.10	2.7	0.27
	0.33		0.70
Jumlah	1.00		2.79

Sumber: Data diolah

Jadual 10 menunjukkan jumlah skor keseluruhan pemberat ialah 2.79. jumlah ini menunjukkan respon Jabatan Pertanian telah boleh merebut peluang-peluang yang ada dan mengelak ancaman. Jabatan Pertanian belum mampu mengambil peluang komoditi eksport keluar negara, walaupun komoditi pertanian yang ada mempunyai potensi yang besar di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun Jabatan Pertanian telah memainkan peranan sebagai agensi yang membuat perubahan kepada sektor pertanian yang ada di Negeri Kedah. Lokasi Negeri ini sangat strategik iaitu

bersempadan dengan Thailand, maka diharapkan nantinya akan ada peluang kerjasama dalam bidang pertanian dengan Thailand.

5.3 Rumusan

Berdasarkan Matrik analisis dalaman dan matrik analisis luaran menunjukkan bahawa adanya potensi dari aktiviti pengembangan yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Kedah. Dari analisis faktor strategik dalaman diperoleh total skor 2.93. Dengan rincian skor kekuatan 2.17 dan skor kelemahan 0.76. pada analisis faktor strategik luaran diperoleh total skor sebesar 2.79. skor peluang 2.09 dan 0.70 untuk skor ancaman.

BAB 6

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

Bab ini huraian daripada perbincangan analisis yang penyelidik gunakan, dimana hasil dari analisis tersebut di peroleh sebuah cadangan, implikasi kajian dan kesimpulan.

6.1 Perbincangan

1. Analisis Kekuatan

Analisa kekuatan merujuk keupayaan organisasi dalam suatu bidang. Ia boleh menjadi aset kepada organisasi. Kekuatan Jabatan Pertanian Negeri Kedah dalam program pengembangan pertanian ialah organisasinya disokong oleh kerajaan yang kukuh, Jabatan Pertanian sebagai agensi kerajaan dapat menjalankan aktiviti-aktivitinya tanpa menghadapi masalah sumber kewangan. Selain sokongan kerajaan dari segi sumber, status agensi kerajaan juga memberi satu kelebihan kepada Agromas kerana Jabatan Pertanian Negeri Kedah dipercayai oleh pelanggan sebagai pihak yang berwibawa dan pakar dalam aktiviti dan pengeluaran produk pertanian.

Jabatan Pertanian juga mempunyai pegawai-pegawai yang berpengalaman di bidang pengembangan kerana secara puratanya agen-agen pengembangan pertanian di Negeri Kedah telah digembelingkan dalam kursus dan latihan sehingga kepakaran mereka dapat dikemaskini dari masa ke semasa.

Struktur pentadbiran Jabatan pertanian memperbolehkan pengurusan dan perkhidmatannya berjalan dengan lancar. Di samping itu penempatan pejabat pertanian di setiap daerah di negeri Kedah membolehkan pengawalan dan pemantauan aktiviti-aktiviti pengembangan yang lebih cekap dapat dilaksanakan.

Jabatan Pertanian telah beroperasi lebih dari 100 tahun dalam menjalankan aktiviti pengembangan pertanian di Negara ini, iaitu satu tempoh yang matang. Jabatan Pertanian sebagai agensi paling lama menjalankan pembangunan sektor pertanian di Malaysia. Pengalaman yang luas dalam membantu petani meningkatkan hasil pertanian dan seterusnya meningkatkan keluaran makanan dalam Negara.

2. Analisis Kelemahan

Analisis kelemahan merujuk kepada aspek yang disebabkan kekurangan dan keterbatasan oleh Jabatan Pertanian dalam pelaksanaan program pengembangan pertanian. Di antara kelemahan-kelemahan yang terdapat pada jabatan Pertanian ialah kurangnya ketersediaan agen pengembangan. Potensi sektor pertanian di Kedah sangat besar, bahkan termasuk salah satu terbesar di Malaysia. Potensi ini boleh dipertingkatkan lagi dengan peningkatkan kualiti sumber manusia, khususnya petani,. Namun, hal ini sedikit tergendala kerana keterbatasan jumlah agen pengembangan yang ada di Kedah saat ini.

Di samping itu juga hubungan komunikasi di antara pegawai bahagian ibu pejabat dan pegawai daerah perlu dipertingkatkan kerana setiap pegawai harus memahami proses kerja dan tanggungjawab. Gendala lain yang sering ditemui oleh agen pengembangan ialah dimana sikap dan kemauan petani terhadap inovasi dalam usaha tani dalam kategori. Mereka cenderung kurang berminat menggunakan teknik berusaha tani secara keseluruhan. Sebahagian petani bersikap menerima penggunaan racun dan baja akan tetapi tidak menanggapi secara positif cara melakukan aktiviti dan amalan-amalan pertanian yang baik.

3. Analisis Peluang

Analisis peluang merujuk kepada faktor-faktor persekitaran luaran yang boleh memberi kemajuan dalam aktiviti pengembangan pertanian di negeri Kedah. Jabatan Pertanian Negeri Kedah mempunyai peluang yang baik untuk mencapai objektifnya berdasarkan hubungan kerjasama yang rapat antara kerajaan negeri kedah dan persekutuan dalam menyokong aktiviti-aktiviti pertanian sebagai asas ekonomi Negara. Sebagai agensi kerajaan, jabatan pertanian Negeri Kedah juga bekerjasama dengan institusi pertanian lain, seperti FAMA, MARDI, MADA dan lain-lain untuk menyokong pembangunan pertanian di Negeri Kedah.

Permintaan terhadap hasil pertanian yang bermutu tinggi di Negari ini sangat memberangsangkan. Pertanian merupakan tunggak asas kepada kehidupan manusia baik dari segi sumber makanan, kewangan dan ekonomi serta menjadi matlamat pengusaha pertanian bahawa setiap pelaburan yang dilakukan mampu memberi pulangan menguntungkan.

4. Analisis Ancaman

Analisis ancaman merupakan pelbagai keadaan yang menimbulkan kerugian bagi aktiviti pengembangan pertanian. Adanya cuaca ekstrim hujan turun hampir sepanjang tahun berlaku banjir, tanah runtuh sehingga sentra-sentra tanaman gagal panen ini merupakan ancaman dalam kegiatan pengembangan. Disamping itu hal yang masih menjadi penghambat pertanian iaitu alih fungsi ladang menjadi areal perumahan. Tingkat pendidikan petani sangat berpengaruh terhadap penerimaan teknologi yang diberikan, makin tinggi tingkat pendidikan seseorang semakin cepat dalam proses alih teknologi.

6.2 Cadangan

Berdasarkan analisis kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman penulis membina empat kumpulan strategik, iaitu Strategik SO, Strategik WO, Strategik ST dan Strategik WT. Jadual 7 yang dikenali sebagai “TOWS Matrik” menunjukkan strategik-strategik yang boleh dirancang dan dilaksanakan untuk mengambil peluang dan mengelak ancaman melalui kekuatan dan kelemahan yang ada pada Jabatan Pertanian Kedah.

Jadual 11. Matrik TOWS

	<p style="text-align: center;">KEKUATAN (S)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Polisi Kerajaan Negeri dalam menyokong aktiviti pengembangan pertanian 2. Pengagihan dana untuk kegiatan pengembangan 3. Kemudahan pengurusan dan ketersediaan infrastruktur dalam aktiviti pengembangan 4. Jabatan pertanian telah beroperasi melebihi 100 tahun 5. Struktur pentabiran yang menyokong program pengembangan 6. Kualiti tenaga pengembangan yang berpengalaman 	<p style="text-align: center;">KELEMAHAN (W)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Ketersediaan (kuantiti) tenaga pengembangan pertanian 2. Komunikasi antara bahagian didalam Jabatan 3. Sikap dan kemampuan petani terhadap inovasi dalam usaha tani
<p style="text-align: center;">PELUANG (O)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kerjasama antara kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam mengembangkan pertanian sebagai asas perekonomian 2. Upaya kerajaan untuk meningkatkan masyarakat tani 3. Petani dan agen pengembangan 	<p style="text-align: center;">STRATEGIK SO</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Memanfaatkan dengan baik serta menggabungkan antara polisi kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk kemajuan para petani dalam pengeluaran bekalan makanan serta peningkatan komoditi eksport. ▪ Menggalakkan kerjasama dengan pihak berkaitan untuk peningkatan modal insan pegawai dan 	<p style="text-align: center;">STRATEGIK WO</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Meminta pihak kerajaan dalam menambah jumlah agen pengembangan untuk pembangunan pertanian secara memadai. ▪ Penyelarasan dari sudut komunikasi kepengurusan perlu diadakan di antara ibu pejabat dan peringkat daerah

<p>menjalin perhubungan mesra untuk melaksanakan aktiviti pengembangan dengan sistem latihan dan lawatan</p> <p>4. Adanya keinginan masyarakat tempatan untuk mengembangkan pertanian</p> <p>5. Kerjasama daripada institusi pertanian lain</p> <p>6. Eksport komoditi pertanian</p>	<p>pelanggan</p>	
<p>ANCAMAN (T)</p> <p>1. Pengaruh iklim dan alih fungsi lahan pertanian</p> <p>2. Kualiti sumber asli yang terus menurun</p> <p>3. Tingkat pendidikan petani dan minat generasi muda di bidang pertanian</p>	<p>STRATEGIK ST</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Program pertanian bagi memperkasakan petani, dan kelestarian alam sekitar perlu disosialisasikan kepada masyarakat. 	<p>STRATEGIK WT</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Menumbuhkan motivasi dan sikap profesionalisme pada petani dan generasi muda dalam menjalankan kegiatan di bidang sektor pertanian

Aktiviti pengembangan yang dijalankan menunjukkan Jabatan Pertanian Negeri Kedah memanfaatkan dengan baik serta menggabungkan antara polisi kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk kemajuan para petani dalam pengeluaran bekalan makanan. Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada sektor pertanian dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan negara dan memastikan kelestarian jaminan bekalan makanan. Di sudut lain bagi membantu para petani mengurangkan kos pengeluaran pula, Kerajaan akan meneruskan pemberian subsidi dan insentif pertanian sedia ada. Dalam menjalankan aktiviti pengembangan Jabatan Pertanian Negeri Kedah juga terus menggalakan kerjasama antara pihak

berkaitan untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran pegawai dan pelanggan (petani dan usahawan).

Masalah utama yang dihadapi oleh Jabatan Pertanian ialah kurangnya ketersediaan pegawai pengembangan yang ada. Menurut pengarah Jabatan Pertanian Negeri Kedah berdasarkan keutamaan program tersebut terlihat bahawa peningkatan kualitas modal insan petani dan pegawai pengembangan merupakan keutamaan pertama. Peningkatan kualiti kemampuan petani memiliki implikasi bahawa kuantitas pegawai pengembangan juga harus diperbaiki kerana tidak mungkin jumlah pegawai pengembangan yang terbatas akan mampu meningkatkan kualiti petani. Pada hakikatnya, pegawai pengembangan ialah seorang pendidik. Tugas khusus mereka ialah untuk memberi semangat, membekal maklumat, bantuan teknikal dan memberi khidmat nasihat kepada pelanggan. Pegawai pengembangan perlu mempunyai sifat seorang pemimpin semangat kehadapan dan memperolehi pengiktirafan sebagai seorang yang berkebolehan, dipercayai, amanah dan dapat menyesuaikan diri dalam masyarakat.

Kepengurusan dan kualiti modal insan sangat menentukan prestasi organisasi. Kepengurusan yang baik akan memudahkan organisasi dalam mencapai tujuan yang diharapkan. Penyelarasan dari sudut komunikasi kepengurusan perlu diadakan di antara ibu pejabat dan peringkat daerah ialah baik kerana setiap pekerja harus memahami proses kerja dan tanggungjawab masing-masing.

Aktiviti pengembangan yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian bertujuan untuk memperkasakan petani. Pembinaan institusi yang betul sangat penting bagi menyokong pertanian dan meningkatkan produktiviti serta memelihara sumber semulajadi. Jabatan Pertanian mempunyai peranan yang penting untuk dimainkan

dalam membina petani dan memastikan penggunaan tenaga yang cekap dalam penggunaan baja dan racun kimia.

Pengembangan pertanian dilaksanakan secara profesional dalam arti pengembangan itu tepat dan benar secara teknikal, sosial, budaya dan politik serta berkesan kerana dirancang, dilaksanakan dan disokong oleh tenaga-tenaga ahli dan mahir yang telah disiapkan secara baik dalam suatu sistem pengembangan pertanian yang baik pula. Nasihat yang profesional itu juga disokong oleh faktor-faktor pendukung yang tepat dan memadai, seperti peralatan dan kemudahan lain, maklumat, data, dan tenaga-tenaga ahli yang relevan. Ketepatan bahan kaunseling terhadap keperluan petani akan menjamin tercapainya tujuan-tujuan yang telah ditentukan bersama dengan para petani, dan ini menjamin adanya petani yang profesional.

Generasi muda ialah tenaga penggerak utama industri pertanian negara. Golongan ini haruslah direvolusikan minda mereka agar dapat melihat bahawa pertanian ialah sektor yang dapat mengangkat martabat mereka menjadi korporat muda. Kurangnya minat menceburi bidang pertanian khususnya dalam kalangan golongan muda amat berkait rapat dengan trend masyarakat kini yang sudah banyak beralih daripada ekonomi agraria kepada bidang perindustrian. Peralihan status tersebut menyebabkan bidang pertanian dianggap sebagai aktiviti kuno dan hanya layak diusahakan oleh golongan yang tidak berilmu dan golongan daif yang tinggal di hujung-hujung kampung. Oleh itu, suatu revolusi mental untuk menganjak paradigma remaja untuk menceburi sektor pertanian hendaklah bermula dari peringkat sekolah dan di pusat-pusat pengajian tinggi.

Jabatan Pertanian Negeri Kedah telah memperkenalkan Pergerakan Pelapistani pada tahun 2001. Pergerakan ini ditubuhkan di peringkat sekolah menengah dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri. Tujuan dari pelapis tani ialah untuk memupuk semangat, minat serta kecenderungan generasi muda dalam bidang pertanian. Penubuhan kelab ini diharapkan dapat memberi ilmu, memberi ilmu pengetahuan, pengalaman dan kemahiran dalam menjayakan aktiviti-aktiviti pertanian.

Hasil daripada analisis SWOT, terdapat beberapa masalah yang wujud dalam pelaksanaan program pengembangan yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Kedah. Antara masalah tersebut ialah:

1) Ketersediaan agen pengembangan

Penyelenggaraan pengembangan pertanian yang ada ialah maka terwujudnya pertanian tangguh untuk pemantapan pembekalan keluaran makanan, peningkatan nilai tambah dan daya saing produk pertanian serta peningkatan kesejahteraan petani. Langkah dan upaya pembangunan pertanian tidak lepas dari peran sumber manusia pendukungnya. Upaya memerankan dan menata kembali pengembangan pertanian agar terwujud satu kesatuan ialah meningkatkan kuantitas dan kualitas pengembangan, serta memenuhi jumlah tenaga agen pengembangan.

2) Komunikasi dalam pentadbiran Jabatan

Penyelenggaraan pengembangan pertanian akan berjalan dengan baik apabila ada persamaan persepsi dan komunikasi yang baik antara kerajaan persekutuan, Negeri, bahkan sampai ke tingkat daerah dalam satu sistem pengembangan pertanian yang disepakati bersama dengan melibatkan petani, swasta dan pihak-pihak yang berkepentingan.

3) Motivasi terhadap sikap petani.

Pembangunan pertanian dimasa mendatang perlu memberikan perhatian yang khusus terhadap aktiviti pengembangan pertanian, kerana pengembangan pertanian merupakan salah satu kegiatan yang strategik dalam upaya pencapaian tujuan pembangunan pertanian. Melalui kegiatan pengembangan, petani ditingkatkan kemampuannya agar dapat mengelola usaha taninya, dengan produktif, berkesan dan menguntungkan, sehingga petani dan keluarganya dapat meningkatkan kesejahteraan.

6.3 Implikasi Kajian

Hasil kajian ini telah menghuraikan bahawa pelaksanaan pengembangan pertanian yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Kedah telah memiliki amalan kerja yang berprestasi tinggi. Jabatan Pertanian telah melakukan amalan yang baik dan bersesuaian berpadanan dengan halatuju pertanian Negara. Berdasarkan dapatan kajian ini, dua bentuk implikasi secara umum dibincangkan iaitu terhadap pengetahuan kajian dan amalan dari jabatan Pertanian.

6.3.1 Implikasi Terhadap Pengetahuan

Kajian ini telah mengemukakan bahawa pelaksanaan pengembangan pertanian dilakukan dengan pendekatan dan sistem yang berasaskan pada amalan pertanian yang baik dan bersepadu kerana telah mengikut pada falsafah dan prinsip-prinsip pengembangan. Hal demikian menjadikan pelaksanaan pertanian telah berkesan sehingga mencapai tujuan dan matlamat yang telah ditentukan. Akhirnya pelaksanaan aktiviti pengembangan pertanian dapat memberikan sokongan terhadap

pencapaian matlamat pembangunan pertanian baik secara nasional maupun secara lokal.

Puspadi (2002) menyatakan bahawa tujuan pengembangan adalah membantu memperbaiki tahap kehidupan keluarga sasaran dan meningkatkan keupayaan melalui pemindahan teknologi, di mana untuk mencapai matlamat tersebut, maka kegiatan pengembangan harus 1) dinamik, 2) diperlukan masyarakat, 3) menjangkau majoriti masyarakat sasaran, 4) bersifat pembaikan dan 5) boleh dinilai dari fakta-fakta dapat dikumpulkan.

Hasil Kajian ini juga menunjukkan kemampuan dan dan kualitas agen pengembangan terus ditingkatkan dalam aktiviti pengembangan. Peningkatan pengetahuan dilakukan melalui latihan yang berterusan. Hal ini disebabkan pengetahuan teknikal dan bukan teknikal selalu dinamik mengikuti perkembangan ilmu pengetahuan. Selain itu dalam rangka pembangunan kerjaya dan peningkatan kualiti profesionalisme pegawai yang menjalankan tugas sebagai agen pengembangan.

Hal ini sesuai dengan pernyataan DJari (2009) bahawa seorang agen pengembangan harus mempunyai kemampuan dan kepribadian, iaitu 1) sistem sosial setempat, 2) perilaku masyarakat, 3) analisis system, 4) analisis data, 5) merancang pendekatan kaunseling, 6) perancangan usaha pertanian, 7) pengurusan teknologi, 8) ekonomi rumah tangga, 9) membangunkan teknologi tempatan tertentu, 10) memahami cara masyarakat belajar, 11) pembangunan kumpulan dan organisasi, 12) perilaku pasaran, 13) peta kognitif, 14) teknologi pengeluaran, 15) teknologi pasca tuai, 16) pertanian sebagai perniagaan, 17) proses pembangunan, 18) pendirian yang sesuai dengan profesi sebagai agen pengembangan.

6.3.2 Implikasi Terhadap Organisasi

Kajian ini mengemukakan Jabatan Pertanian sebagai agensi kerajaan yang paling lama dalam melakukan pembangunan pertanian dan berpengalaman membawa dan memperkenalkan sesuatu pembaharuan dan perubahan sememangnya bukannya mudah. Membawa perubahan didalam pengurusan perkhidmatan, kaedah pelaksanaan tanggungjawab dan pengenalan untuk penggunaan sistem piawaian dan penilaian satu persekitaran yang boleh merangsang perlu wujud untuk aktiviti pembangunan ini terus berjaya.

Kajian ini juga mengemukakan bahawa model pembangunan pertanian yang diperlukan dan dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Kedah adalah model pembangunan pertanian partisipatif dengan beberapa ciri sebagai berikut:

1. Pelanggan (petani) terlibat dalam membuat keputusan sejak perancangan, pelaksanaan sampai pengawasan.
2. Mengutamakan kepentingan pelanggan (bottom up), tidak mengutamakan program (top down), tetapi kombinasi pendekatan berlainan dengan tujuan memudahkan dan lebih meningkatkan keupayaan pelanggan
3. Pembinaan bersifat interaktif, kerana pelanggan dapat terus berinteraksi dan menjadi peneraju dalam sektor pertanian.
4. Pelanggan mempunyai kuasa menentukan pilihan
5. Bahan inovasi adalah khusus tempatan dengan telah mempertimbangkan kearifan lokal dan teknologi
6. Jabatan Pertanian berposisi sebagai fasilitator.

6.4 Kesimpulan

Secara keseluruhannya kajian kes ini untuk meninjau amalan dan aktiviti pengembangan pertanian yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Kedah. Secara tidak langsung ia turut mengenal kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman kepada Jabatan Pertanian Negeri Kedah dalam pelaksanaannya.

Menurut Valera (1987), prinsip pengembangan pertanian ialah bekerja bersama sasaran (pelanggan) bukan bekerja untuk sasaran. Sasaran pengembangan ialah kelompok-kelompok masyarakat yang berbeza dan bermula dari apa yang diketahui dan dimiliki oleh sasaran. Dalam melaksanakan pekerjaan perlu berkoordinasi dengan organisasi pembangunan yang lain. Selanjutnya, maklumat yang disampaikan perlu dua arah dan masyarakat perlu ikut dalam semua aspek kegiatan pendidikan tersebut.

Prinsip-prinsip pengembangan yang lain, merujuk kepada minat dan keperluan masyarakat, organisasi masyarakat bawah, kepelbagaian dan perubahan budaya, kerjasama dan partisipatif masyarakat, demokrasi dalam penerapan ilmu, belajar sambil bekerja, dengan menggunakan kaedah yang sesuai, pembangunan kepimpinan, pakar yang terlatih dan dapat mewujudkan kepuasan pada petani dan usahawan di Negeri Kedah.

RUJUKAN

- Angsari, P. S. (2001). Peranan agen pembaruan/penyuluh dalam usaha memberdayakan (empowerment) sumberdaya manusia pengelola agribisnis. *Orasi Ilmiah Guru Besar Tetap Ilmu Sosial Ekonomi*, Fakultas Peternakan, IPB.
- Djari.A. A. (2009). *Sistim Pengembangan Penyuluhan Perikanan Era Desentralisasi di Indonesia*. Desertasi. Sekolah Pascasarjana IPB.
- Fred, D.R . (2001) *Strategic management: Concepts & cases* (8th.ed). New Jersey: Prentice-Hall
- Ismail. S. (2009). Dikutip dari <http://isaidin.blogspot.com/2009/06/undang-undang-biji-langkah-pertaman.html>
- Jabatan Pertanian. (2008) *Manual pengembangan pertanian, untuk agen pengembangan pertanian, Edisi Semak Semula. Bahagian Pengembangan Perundingan Pelaburan dan Industri Asas Tani*, Jabatan Pertanian Putrajaya.
- Jabatan Pertanian (2010). (*Laporan Tahunan*): Jabatan Pertanian Kedah
- Jabatan Pertanian (2008). Panduan Pelaksanaan: *Sistem Pengembangan Tekno Pertanian (SPTP)*
- Jabatan Pertanian (2012). Dikutip dari <http://pertanian.kedahgov.my>
- Kinneear dan Taylor (1981). *Marketing research; Marketing; Management*. 4th edition
- Mardikanto, T (1993). *Penyuluhan pembangunan pertanian*, Sebelas Maret University Press : Surakarta.
- Rangkuti, F. (2004). Analisis swot, teknik untuk membedah kasus bisnis: *Reorientasi Konsep Perencanaan Strategis untuk Menghadapi Abad 21*. PT Gramedia Pustaka Utama. Jakarta.
- Retrived from <http://datatanah.peradabanmelayu.my/index.php/data-tanah-terbiar/34-data-tanah-terbiar-malaysia/64-perkembangan-semasa-sektor-pertanian>
- Rogers dan Schoemaker. (1986). *Memasyarakatkan ide-ide baru*. Surabaya: Usaha Nasional.
- Samsudin S, U.(1994). *Manajemen Penyuluhan Pertanian*. Bina Cipta. Bandung.

- Subejo. (2008). *Sistem Penyuluhan di Jepang: Konsep, Peran dan Perkembangan Penyuluhan Pertanian dan Pedesaan*. UGM, Yogyakarta.
- Syahyuti (1999). 'Kajian Kelembagaan Penyelenggaraan Penyuluhan Pertanian Nasional' dalam *Dinamika Inovasi Sosial Ekonomi dan Kelembagaan Pertanian*. Penyunting (Ed.) Erizal. Pusat Penelitian Sosial Ekonomi Pertanian. Badan Penelitian dan Pengembangan Pertanian. Bogor.
- Schwarz, M. H. (2010). A need assesment of aquaculture extention agents, specialists and program administrators in extension programing. *Journal of Extension* 48 (2):1-11.
- Siti Maimon Hj. K (2003). *Managing corporate strategies :From Swot to SWOTIT*: Universiti Utara Malaysia
- Sumardjo.(1999). *Transformasi Model Penyuluhan Pertanian Menuju Pengembangan Kemandirian Petani (Kasus di Provinsi Jawa Barat)*. Disertasi IPB. Bogor.
- Yin, R. K. (1985) "Case study research :*Design and method*. Beverly Hills Sage Publication
- Valera, JB and RF Plopino (1987). *Philosophy and principle of extension*. In *An introduction to extension delivery systems* by JB Valera, VA Martinez, and RF Plopino (editors) 1987. Island Publishing House, Manila. P. 51-61.
- Van Den Ban, A.W. dan Hawkins, H.S. (1999). *Penyuluhan pertanian*. Yogyakarta: Kanisius.

Lampiran 1

Mengetahui Faktor –Faktor dalaman dan luaran untuk Program Pengembangan Pertanian Jabatan Pertanian Negeri Kedah

Identiti Responden

Nama :

Jawatan :

Tanggal Pengisian :

Dalam rangka menyusun faktor dalaman dan faktor luaran, maka kehadiran Tuan / Puan / Saudara dimohon untuk memilih faktor-faktor di bawah ini dengan memberikan jawapan "√" terhadap faktor kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman, dan bila Tuan / Puan/ Saudara mempunyai faktor -faktor lain kami persilahkan untuk menuliskan pada medan yang telah kami sediakan.

N0	Faktor Dalaman	Kekuatan	Kelemahan
1	Policy Kerajaan Negeri dalam menyokong kegiatan pertanian		
2	Pengagihan dana untuk kegiatan Pengembangan Pertanian		
3	Ketersedian Infrastruktur dalam Kegiatan Pengembangan		
4	Ketersedian Tenaga Pengembangan Pertanian (kuantiti)		
5	Kualiti Tenaga Pengembangan Pertanian		
6	Kemudahan Pengurusan Dalam Khidmat Pengembangan		
7	Struktur pentabiran yang menyokong program pengembangan		
8	Sikap dan Kemampuan petani terhadap inovasi dalam usahatani		
9	Komunikasi antara bahagian di Jabatan dalam pencapaian kegiatan pengembangan		
10		

NO	Faktor Luaran	Peluang	Ancaman
1	Pengaruh Iklim terhadap kegiatan Pengembangan		
2	Kerjasama Kerajaan Federal dan Negeri mengembangkan pertanian sebagai asas perekonomian		
3	Upaya kerajaan untuk meningkatkan masyarakat tani		
4	Petani dan agen pengembangan menjalin perhubungan mesra untuk melaksanakan penyelenggaraan pengembangan dengan sistem latihan dan lawatan yang sistematik.		
5	Kualiti sumber asli yang terus menurun		
6	Adanya Keinginan masyarakat untuk mengembangkan pertanian		
7	Kerjasama daripada institusi pertanian lain		
8	Eksport Komoditi Pertanian		
9	Tingkat pendidikan petani dan minat generasi muda di bidang pertanian		
10		
11		
12		
13		

Lampiran 2 Kuesioner Pemberian Bobot terhadap kekuatan, kelemahan, peluang dan Ancaman

Dalam rangka penentuan nilai wajar untuk masing-masing faktor kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman digunakan metod perbandingan berpasangan (paired comparison) dengan ketentuan pemberian nilai adalah sebagai berikut:

Nilai 1 = Jika penunjuk melintang kurang penting dari penunjuk menegak

Nilai 2 = Jika penunjuk melintang sama penting dari penunjuk menegak

Nilai 3 = Jika penunjuk melintang lebih penting dari penunjuk menegak

Faktor Dalam	1	2	3	4	5	6	7	8	9	Total	Nilai Wajaran
1											
2											
3											
4											
5											
6											
7											
8											
9											

Faktor Luaran	1	2	3	4	5	6	7	8	9	Total	Nilai Wajaran
1											
2											
3											
4											
5											
6											
7											
8											
9											

Lampiran 3 : Kuisioner dalam Pemberian Kadar

Dalam rangka penentuan kadar untuk pembentukan matrik faktor dalaman dan faktor luaran maka kehadiran Tuan / Puan / Saudara dipohon untuk mengisi kadar faktor kekuatan dan kelemahan dengan tanda "√" pada angka yang dianggap paling sesuai dengan kondisi yang ada.

Faktor Dalaman		Kadar			
Kekuatan		4	2	3	1
1	Polisi Kerajaan Negeri dalam menyokong aktiviti pembangunan pertanian				
2	Pengagihan dana untuk kegiatan pembangunan				
3	Kemudahan pengurusan dan ketersediaan infrastruktur dalam aktiviti pembangunan				
4	Jabatan pertanian telah beroperasi melebihi 100 tahun				
5	Struktur pentabiran yang menyokong program pembangunan				
6	Kualitas tenaga pembangunan yang berpengalaman				

Faktor Dalaman		Kadar			
Kelemahan		4	2	3	1
1	Ketersediaan (kuantiti) tenaga pembangunan pertanian				
2	Komunikasi antara bahagian didalam Jabatan				
3	Sikap dan kemampuan petani terhadap inovasi dalam usaha tani				

Keterangan Angka:

Untuk faktor kekuatan dan Kelemahan

Pemberian angka 4 artinya : Sangat kuat

Pemberian angka 3 artinya : Agak kuat

Pemberian angka 2 artinya : Agak lemah

Pemberian angka 1 artinya : Sangat lemah

Lampiran 3 (lanjutan)

Faktor Luaran		Kadar			
Peluang		4	3	2	1
1	Kerjasama antara kerajaan federal dan Negeri dalam mengembangkan pertanian sebagai asas perekonomian				
2	Upaya kerajaan untuk meningkatkan masyarakat tani				
3	Petani dan agen pengembangan menjalin perhubungan mesra untuk melaksanakan aktiviti pengembangan dengan sistem latihan dan lawatan				
4	Adanya keinginan masyarakat tempatan untuk mengembangkan pertanian				
5	Kerjasama daripada institusi pertanian lain				
6	Ekspor komoditi pertanian				

Faktor Luaran		Kadar			
Ancaman		4	3	2	1
1	Pengaruh iklim dan alih fungsi lahan pertanian				
2	Kualiti sumber asli yang terus menurun				
3	Tingkat pendidikan petani dan minat generasi muda di bidang pertanian				

Keterangan Angka,

Untuk Faktor Peluang

Pemberian angka 1 artinya : untuk merespon buruk

Pemberian angka 2 artinya : untuk merespon agak baik

Pemberian angka 3 artinya: untuk merespon baik

Pemberian angka 4 artinya: untuk merespon sangat baik

Untuk Faktor Ancaman

Pemberian angka 1 artinya : Sangat Lemah

Pemberian angka 2 artinya : Agak Lemah

Pemberian angka 3 artinya: Agak Kuat

Pemberian angka 4 artinya: Sangat Kuat

Lampiran 4

Dalam rangka penentuan nilai wajaran untuk masing-masing parameter kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman digunakan metod perbandingan berpasangan (*paired comparison*) dengan ketentuan pemberian nilai adalah sebagai berikut:

Nilai 1 = jika penunjuk melintang kurang penting daripada penunjuk menegak

Nilai 2 = jika penunjuk melintang sama pentingnya dengan penunjuk menegak

Nilai 3 = jika penunjuk melintang lebih penting daripada penunjuk menegak

Pakar 1 : En. Ismail Bin Salleh A.M.K., P.K.T., P.J.K., Pengarah Pertanian Negeri, Jabatan Pertanian Negeri Kedah Darul Aman

	Faktor Dalaman	A	B	C	D	E	F	G	H	I	Σ	Nilai Wajaran
A	Polisi Kerajaan Negeri dalam menyokong aktiviti pengembangan pertanian		3	2	2	3	1	1	2	3	17	0.12
B	Pengagihan dana untuk kegiatan pengembangan	1		2	2	3	1	2	3	1	15	0.10
C	Kemudahan pengurusan dan ketersediaan infrastruktur dalam aktiviti pengembangan	2	2		2	3	2	1	2	1	15	0.10
D	Jabatan pertanian telah beroperasi melebihi 100 tahun	2	2	2		3	2	2	2	1	16	0.11
E	Struktur pentabiran yang menyokong program pengembangan	1	1	1	1		1	1	1	1	8	0.06
F	Kualiti tenaga pengembangan yang berpengalaman	3	3	2	2	3		2	2	2	19	0.13
G	Kurang ketersediaan (kuantiti) tenaga pengembangan pertanian	3	2	3	2	3	2		2	2	19	0.13
H	Komunikasi antara bahagian didalam Jabatan	2	1	2	2	3	2	2		2	16	0.11
I	Sikap dan kemampuan petani terhadap inovasi dalam usaha tani	1	3	3	3	3	2	2	2		19	0.13
											144	1.00

Lampiran 4 (lanjutan)

	Faktor Luaran	A	B	C	D	E	F	G	H	I	Σ	Nilai Wajaran
A	Kerjasama antara kerajaan federal dan Negeri dalam mengembangkan pertanian sebagai asas perekonomian		2	2	2	2	3	1	3	2	17	0.12
B	Upaya kerajaan untuk meningkatkan masyarakat tani	2		2	2	3	2	1	2	3	17	0.12
C	Petani dan agen pengembangan menjalin perhubungan mesra untuk melaksanakan aktiviti pengembangan dengan sistem latihan dan lawatan	2	2		1	3	2	1	3	2	16	0.11
D	Adanya keinginan masyarakat tempatan untuk mengembangkan pertanian	2	2	3		2	3	1	3	2	18	0.13
E	Kerjasama daripada institusi pertanian lain	2	1	1	2		1	1	2	2	12	0.08
F	Eksport komoditi pertanian	1	2	2	1	3		3	3	2	17	0.12
G	Pengaruh iklim dan alih fungsi lahan pertanian	3	3	3	3	3	1		2	1	19	0.13
H	Kualiti sumber asli yang terus menurun	1	2	1	1	2	1	2		1	11	0.08
I	Tingkat pendidikan petani dan minat generasi muda di bidang pertanian	2	1	2	2	2	2	3	3		17	0.12
											144	1.00

Lampiran 5

Dalam rangka nilai wajaran untuk masing-masing parameter kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman digunakan metod perbandingan berpasangan (*paired comparison*) dengan ketentuan pemberian nilai adalah sebagai berikut:

Nilai 1 = jika penunjuk melintang kurang penting daripada penunjuk menegak

Nilai 2 = jika penunjuk melintang sama pentingnya dengan penunjuk menegak

Nilai 3 = jika penunjuk melintang lebih penting daripada penunjuk menegak

Pakar 2 : En. Mohamed Bukhori B Abdul Rahmann Timbalan Pengarah Pertanian Negeri, Jabatan Pertanian Negeri Kedah Darul Aman

	Faktor Dalaman	A	B	C	D	E	F	G	H	I	Σ	Nilai Wajaran
A	Polisi Kerajaan Negeri dalam menyokong aktiviti pengembangan pertanian		2	2	2	3	2	3	2	2	18	0.13
B	Pengagihan dana untuk kegiatan pengembangan	2		2	2	3	2	3	2	2	18	0.13
C	Kemudahan pengurusan dan ketersediaan infrastruktur dalam aktiviti pengembangan	2	2		2	3	2	3	2	2	18	0.13
D	Jabatan pertanian telah beroperasi melebihi 100 tahun	2	2	2		3	2	3	2	2	18	0.13
E	Struktur pentabiran yang menyokong program pengembangan	1	1	1	1		1	1	1	1	8	0.06
F	Kualiti tenaga pengembangan yang berpengalaman	2	2	2	2	3		2	2	2	17	0.12
G	Kurang ketersediaan (kuantiti) tenaga pengembangan pertanian	1	1	1	1	3	2		2	2	13	0.09
H	Komunikasi antara bahagian didalam Jabatan	2	2	2	2	3	2	2		2	17	0.12
I	Sikap dan kemampuan petani terhadap inovasi dalam usaha tani	2	2	2	2	3	2	2	2		17	0.12
											144	1.00

Lampiran 5 (lanjutan)

	Faktor Luaran	A	B	C	D	E	F	G	H	I	Σ	Nilai Wajaran
A	Kerjasama antara kerajaan federal dan Negeri dalam mengembangkan pertanian sebagai asas perekonomian		2	2	2	2	2	2	2	2	16	0.11
B	Upaya kerajaan untuk meningkatkan masyarakat tani	2		2	2	2	2	2	2	2	16	0.11
C	Petani dan agen pengembangan menjalin perhubungan mesra untuk melaksanakan aktiviti pengembangan dengan sistem latihan dan lawatan	2	2		2	2	2	2	2	2	16	0.11
D	Adanya keinginan masyarakat tempatan untuk mengembangkan pertanian	2	2	2		2	2	2	2	2	16	0.11
E	Kerjasama daripada institusi pertanian lain	2	2	2	2		2	2	2	2	16	0.11
F	Eksport komoditi pertanian	2	2	2	2	2		1	2	1	14	0.10
G	Pengaruh iklim dan alih fungsi lahan pertanian	2	2	2	2	2	3		2	2	17	0.12
H	Kualiti sumber asli yang terus menurun	2	2	2	2	2	2	2		3	17	0.12
I	Tingkat pendidikan petani dan minat generasi muda di bidang pertanian	2	2	2	2	2	3	2	1		16	0.11
											144	1.00

Lampiran 6

Dalam rangka nilai wajaran untuk masing-masing parameter kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman digunakan metod perbandingan berpasangan (*paired comparison*) dengan ketentuan pemberian nilai adalah sebagai berikut:

Nilai 1 = jika penunjuk melintang kurang penting daripada penunjuk menegak

Nilai 2 = jika penunjuk melintang sama pentingnya dengan penunjuk menegak

Nilai 3 = jika penunjuk melintang lebih penting daripada penunjuk menegak

Pakar 3 : Puan Sharifah BT Ishak Pegawai Pertanian Daerah Kubang Pasu Jitra Kedah Darul Aman

	Faktor Dalaman	A	B	C	D	E	F	G	H	I	Σ	Nilai Wajaran
A	Polisi Kerajaan Negeri dalam menyokong aktiviti pengembangan pertanian		2	2	2	1	2	2	2	3	16	0.11
B	Pengagihan dana untuk kegiatan pengembangan	2		2	2	1	2	2	2	3	16	0.11
C	Kemudahan pengurusan dan ketersediaan infrastruktur dalam aktiviti pengembangan	2	2		2	1	2	2	2	3	16	0.11
D	Jabatan pertanian telah beroperasi melebihi 100 tahun	2	2	2		1	2	2	2	3	16	0.11
E	Struktur pentabiran yang menyokong program pengembangan	3	3	3	3		3	3	3	3	24	0.17
F	Kualiti tenaga pengembangan yang berpengalaman	2	2	2	2	1		2	2	3	16	0.11
G	Kurang ketersediaan (kuantiti) tenaga pengembangan pertanian	2	2	2	2	1	2		2	3	16	0.11
H	Komunikasi antara bahagian didalam Jabatan	2	2	2	2	1	2	2		3	16	0.11
I	Sikap dan kemampuan petani terhadap inovasi dalam usaha tani	1	1	1	1	1	1	1	1		8	0.06
											144	1.00

Lampiran 6 (lanjutan)

	Faktor Luaran	A	B	C	D	E	F	G	H	I	Σ	Nilai Wajaran
A	Kerjasama antara kerajaan federal dan Negeri dalam mengembangkan pertanian sebagai asas perekonomian		3	3	3	2	2	3	1	3	20	0.14
B	Upaya kerajaan untuk meningkatkan masyarakat tani	1		2	2	2	1	2	1	2	13	0.09
C	Petani dan agen pengembangan menjalin perhubungan mesra untuk melaksanakan aktiviti pengembangan dengan sistem latihan dan lawatan	1	2		2	2	1	2	1	2	13	0.09
D	Adanya keinginan masyarakat tempatan untuk mengembangkan pertanian	1	2	2		2	1	2	1	2	13	0.09
E	Kerjasama daripada institusi pertanian lain	2	2	2	2		1	3	1	3	16	0.11
F	Eksport komoditi pertanian	2	3	3	3	3		3	2	3	22	0.15
G	Pengaruh iklim dan alih fungsi lahan pertanian	1	2	2	2	1	1		2	3	14	0.10
H	Kualiti sumber asli yang terus menurun	3	3	3	3	3	2	2		3	22	0.15
I	Tingkat pendidikan petani dan minat generasi muda di bidang pertanian	1	2	2	2	1	1	1	1		11	0.08
											144	1.00

Lampiran 7 : Nilai Wajaran dan Kadar Faktor Dalam dan Faktor Luaran

Faktor Strategik Dalam	Nilai Wajaran			Nilai Wajaran Purata	Kadar			Kadar Purata	Skor
	Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3		Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3		
Kekuatan									
Polisi Kerajaan Negeri dalam menyokong aktiviti pembangunan pertanian	0.12	0.13	0.11	0.12	4	4	4	4.0	0.47
Pengagihan dana untuk kegiatan pembangunan	0.10	0.13	0.11	0.11	4	4	4	4.0	0.45
Kemudahan pengurusan dan ketersediaan infrastruktur dalam aktiviti pembangunan	0.10	0.13	0.11	0.11	3	3	4	3.3	0.38
Jabatan pertanian telah beroperasi melebihi 100 tahun	0.11	0.13	0.11	0.12	2	1	3	2.0	0.23
Struktur pentabiran yang menyokong program pembangunan	0.06	0.06	0.17	0.09	2	4	4	3.3	0.31
Kualiti tenaga pembangunan yang berpengalaman	0.13	0.12	0.11	0.12	1	4	3	2.7	0.32
Total	0.63	0.67	0.72	0.67					2.17
Kelemahan									
Kurang ketersediaan (kuantiti) tenaga pembangunan pertanian	0.13	0.09	0.11	0.11	3	1	3	2.3	0.26
Komunikasi antara bahagian didalam Jabatan	0.11	0.12	0.11	0.11	3	3	1	2.3	0.26
Sikap dan kemampuan petani terhadap inovasi dalam usaha tani	0.13	0.12	0.06	0.10	2	2	3	2.3	0.24
Total	0.38	0.33	0.28	0.33					0.76

Lampiran 8 : Nilai Wajaran dan Kadar Faktor Dalam dan Faktor Luaran

Faktor Strategik Luaran	Nilai Wajaran			Nilai Wajaran Purata	Kadar			Kadar Purata	Skor
	Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3		Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3		
Peluang									
Kerjasama antara kerajaan federal dan Negeri dalam mengembangkan pertanian sebagai asas perekonomian	0.12	0.11	0.14	0.12	3	4	4	3.7	0.45
Upaya kerajaan untuk meningkatkan masyarakat tani	0.12	0.11	0.09	0.11	4	4	4	4.0	0.43
Petani dan agen pengembangan menjalin perhubungan mesra untuk melaksanakan aktiviti pengembangan dengan sistem latihan dan lawatan	0.11	0.11	0.09	0.10	2	4	4	3.3	0.35
Adanya keinginan masyarakat tempatan untuk mengembangkan pertanian	0.13	0.11	0.09	0.11	3	4	3	3.3	0.36
Kerjasama daripada institusi pertanian lain	0.08	0.11	0.11	0.10	3	3	4	3.3	0.34
Eksport komoditi pertanian	0.12	0.10	0.15	0.12	1	2	1	1.3	0.16
Total	0.67	0.65	0.67	0.67					2.09
Ancaman									
Pengaruh iklim dan alih fungsi lahan pertanian	0.13	0.12	0.10	0.12	1	3	1	1.7	0.19
Kualiti sumber asli yang terus menurun	0.08	0.12	0.15	0.12	2	2	2	2.0	0.23
Tingkat pendidikan petani dan minat generasi muda di bidang pertanian	0.12	0.11	0.08	0.10	2	3	3	2.7	0.27
Total	0.33	0.35	0.33	0.33					0.70

Lampiran 9 Contoh Jadual Kerja Mingguan Agen Pengembangan

1. Pembantu Pertanian

	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumat
Pagi	Kerja-kerja Pejabat/khidmat perundingan	Lawatan pengembangan	Kerja-kerja Pejabat/mengemas kini pendaftaran petani dan maklumat kawasan	Mesyuarat/ Latihan	Lawatan pengembangan
Petang	Lawatan pengembangan	Lawatan pengembangan	Lawatan pengembangan	Lawatan pengembangan	Lawatan pengembangan

2. Penolong Pegawai Pertanian

	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumat
Pagi	Kerja-kerja Pejabat/khidmat Perundingan di pejabat	Perbincangan ⁷ Dengan Pengawal Teknikal	Kerja-kerja Pejabat/khidmat Perundingan di pejabat	Mesyuarat/ Latihan	Khidmat Perundingan/ Lawatan petani
Petang	Kerja-kerja penyeliaan	Kerja-kerja penyeliaan	Khidmat Perundingan/ Lawatan Petani luar kelompok	Kerja-kerja penyeliaan	Kerja-kerja Pejabat/khidmat Perundingan

3. Pegawai Pertanian Daerah

	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumat
Pagi	Kerja-kerja Pejabat/khidmat Perundingan	Khidmat ⁷ Perundingan/ Lawatan petani	Kerja-kerja Pejabat/khidmat Perundingan	Mesyuarat/ Latihan	Perbincangan Dengan Pegawai teknikal
Petang	Kerja-kerja penyeliaan	Kerja-kerja penyeliaan	Khidmat Perundingan/ Lawatan Petani luar kelompok	Kerja-kerja penyeliaan	Kerja-kerja Pejabat/khidmat Perundingan

4. Penolong Pegawai Pertanian Teknikal

	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumat
Pagi	Kerja-kerja Pejabat/khidmat Perundingan	Perbincangan Teknikal/ Pengurusan petak demonstrasi dengan PP Kawasan/AAO /AO pengembangan negeri	Kerja-kerja Pejabat/khidmat Perundingan	Mesyuarat/ Latihan	Perbincangan Dengan Pegawai Pertanian daerah
Petang	Kerja-kerja Teknikal	Lawatan pengembangan	Kerja-kerja Teknikal	Lawatan pengembangan	Kerja-kerja Teknikal

5. Pegawai Pertanian Teknikal

	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumat
Pagi	Khidmat perundingan	Khidmat Perundingan	Kerja-kerja Pejabat/ khidmat perundingan	Mesyuarat/ Latihan	Perbincangan Dengan ketua Pegawai pengembangan
Petang	Lawatan pengembangan	Kerja Teknikal	Lawatan pengembangan	Kerja teknikal	Kerja Teknikal

LAMPIRAN 10. FOTO KEGIATAN



Foto Penyelidik Sedang Temubual Dengan Agen Pengembangan



Foto Penyelidik Sedang Melakukan Perbincangan Dengan Salah Satu Petani



Foto Pengarah Pertanian Salah Satu Kempen Pengembangan Pertanian



Foto Penyelidik Sedang Mengikuti Kegiatan Kawalan Perusak Bersepadu